



**PARLIMEN MALAYSIA
BANGUNAN PARLIMEN
JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR**

DOKUMEN SEBUT HARGA

SEBUTHARGA NO : PAR.2/367 SH.16/2022

TAJUK KERJA

**KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TALIAN TELEFON DAN SISTEM
PABX DI BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA**

TARIKH TUTUP : 20 APRIL 2022

Nama Kontraktor :.....
Alamat:.....
Kelas :.....Tempoh Daftar :.....

**SENARAI SEMAKAN
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

Sila tanda bagi dokumen-dokumen yang disertakan

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut harga
1.	Dokumen No. 3: Spesifikasi Am		
2.	Dokumen No. 4: Jadual Penentuan Spesifikasi Teknikal		
3.	Dokumen No. 5: Jadual Kuantiti		
4.	Dokumen No. 6: Ringkasan Jadual Harga		
5.	Dokumen No. 7: Jadual Kadar Harga		
6.	Dokumen No. 8: Skop Penyelenggaraan Bermasa (<i>Quarterly</i>)		
7.	Dokumen No. 9: Borang Sebut Harga & Surat Akuan Pembida		
8.	Dokumen No. 10: Keterangan Mengenai Penyebutharga		
9.	Dokumen sokongan	-	-
	(i) Profil Syarikat beserta rekod pengalaman bekerja yang lepas dan semasa		
	(ii) Salinan Penyata Bank tiga (3) bulan terkini (Januari 2022, Februari 2022 & Mac 2022)		
	(iii) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran kontraktor (PPK)		
	(iv) Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)		

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut harga
	(v) Salinan Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja)		
	(vi) Salinan Sijil SSM		
	(vii) Jadual penyelenggaraan yang dicadangkan oleh penyebutharga. (lampiran tambahan)		
	(viii) Salinan sijil kursus/kekompetenan mengenai sistem telefon dan Sistem PABX		
	(ix) Surat sokongan/ surat jaminan/ surat kuasa daripada pembekal asal/pengedar utama perkakasan bagi mana-mana item yang berkaitan bagi membuktikan keaslian item tersebut (yang mana berkaitan)		

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

UNTUK KEGUNAAN JABATAN

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada)

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

KERAJAAN MALAYSIA**PARLIMEN MALAYSIA****DOKUMEN SEBUT HARGA****KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TALIAN TELEFON DAN SISTEM PABX DI
BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA – PAR.2/367 SH.16/2022****JADUAL KANDUNGAN**

PERKARA	MUKA SURAT
DOKUMEN NO. 1: ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA	6-15
DOKUMEN NO. 2: SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA DAN SYARAT-SYARAT AM	16-22
DOKUMEN NO. 3 – SPESIFIKASI AM	23-30
DOKUMEN NO. 4 – JADUAL PENENTUAN SPESIFIKASI TEKNIKAL	31-38
DOKUMEN NO. 5 – JADUAL KUANTITI	39-44
DOKUMEN NO. 6 – RINGKASAN JADUAL HARGA	45-46
DOKUMEN NO. 7 – JADUAL KADAR HARGA	47-48
DOKUMEN NO. 8 – SKOP PENYELENGGARAAN	49-51
DOKUMEN NO.9 – BORANG SEBUT HARGA & SURAT AKUAN PEMBIDA	52-55
DOKUMEN NO.10 – KETERANGAN MENGENAI PENYEBUTHARGA	56-64
DRAF PERJANJIAN	65-97

DOKUMEN NO. 1

**ARAHAN KEPADA
PENYEBUTHARGA**

ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

NO. SEBUTHARGA: PAR.2/367 SH.16/2022

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TALIAN TELEFON DAN SISTEM PABX DI BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor – Kontraktor yang mempunyai Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIMPM/ CIDB) dalam Gred, Kategori, dan Pengkhususan seperti berikut :-

Gred	G1/G2
Kategori	ME
Pengkhususan	E07 – Sistem Telekomunikasi Dalaman E08 – Sistem Telekomunikasi Luaran E11 – Kerja Am Elektrik

yang mana pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa, mempunyai alamat pendaftaran di **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** dan **Selangor** adalah layak membuat tawaran bagi sebutarga berikut :-

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TALIAN TELEFON DAN SISTEM PABX DI BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA

2. Lawatan tapak tidak diwajibkan tetapi penyebutharga digalakkan berbuat demikian untuk melihat peralatan sediaada dan keperluan berkaitan jika ada. Permohonan lawatan boleh dibuat kepada pejabat ini untuk kelulusan dan bergantung kepada kelulusan pihak pentadbiran Parlimen Malaysia. syarat-syarat seperti untuk menghadiri berikut :
 - a. Pemeriksaan suhu badan di pintu masuk bertujuan mengesan individu dengan suhu badan melebihi 37.5 Celsius dan/atau bergejala tidak akan dibenarkan masuk;
 - b. Hanya individu yang telah menerima vaksinasi lengkap dibenarkan masuk;
 - c. **Individu yang akan menghadiri lawatan tapak perlu menjalani ujian COVID-19 dengan kaedah RTK-Antigen Rapid Test sendiri, 1 hari sebelum hadir di Parlimen Malaysia dan perlu menunjukkan keputusan ujian tersebut di Balai Kawalan Utama;** (kos ditanggung oleh kontraktor sendiri)
 - d. Penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1meter mesti dipatuhi setiap masa;

- e. Semua hadirin diwajibkan membersihkan tangan dengan *hand sanitizer* dan memakai pelitup muka (*face mask*) ketika berada di Kompleks Parlimen. Digalakkan untuk memakai pelitup muka berganda (*double face mask*) dan pelindung muka (*face shield*);
 - f. Dilarang berkumpul;
 - g. Semua individu mestilah menunjukkan status terkini MySejahtera Di Balai Kawalan Utama Parlimen Malaysia;
 - h. Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPKJ atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan hanya penama di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat sebut harga dan tidak boleh mewakili pegawai selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil: dan
 - i. Salinan Kad Pengenalan.
3. Penyebut harga hendaklah menyerahkan sampul tawaran sebut harga **secara manual** ke dalam peti sebut harga pada atau sebelum **20 April 2022 (Rabu)** jam **12.00 tengahari**. Dokumen tawaran yang diterima selepas dari tarikh dan masa akan **ditolak**. Sampul hendaklah dilabelkan dengan nombor sebut harga dan nombor tawaran sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga **No. 1** di Pejabat Bahagian keselamatan, Aras Bawah, Blok Ahli Parlimen Dan Pentadbiran, Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur.
4. Kerajaan tidak bertanggungjawab di atas apa-apa kehilangan dokumen semasa perjalanan pos/perkhidmatan hantar cepat (*courier service*) dan sebagainya. “Jika sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, Peyebutharga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan”.
5. Tawaran sebutharga yang dikemukakan adalah diwajibkan mengandungi dokumen-dokumen berikut:-
- | | |
|------------------------------------------|---------------|
| a) Spesifikasi Am | Dokumen No. 3 |
| b) Jadual Penentuan Spesifikasi Teknikal | Dokumen No. 4 |
| c) Jadual Kuantiti | Dokumen No. 5 |
| d) Ringkasan Jadual Harga | Dokumen No. 6 |
| e) Jadual Kadar Harga | Dokumen No. 7 |

- f) Skop Penyelenggaraan Bermasa (*Quarterly*) Dokumen No. 8
 g) Borang Sebut Harga & Surat Akuan Pembida Dokumen No. 9
 h) Keterangan Mengenai Penyebutharga Dokumen No. 10
 i) Dokumen wajib yang perlu dilampirkan:
 (i) Profil Syarikat;
 (ii) Salinan Penyata Bank tiga (3) bulan terkini iaitu **Januari 2022, Februari 2022 & Mac 2022**;
 (iii) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor ;
 (iv) Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan;
 (v) Salinan Sijil Taraf Bumiputera (jika ada);
 (vi) Salinan Sijil SSM;
 j) Dokumen Sokongan
 (vii) Jadual penyelenggaraan yang dicadangkan oleh penyebutharga. (lampiran tambahan);
 (viii) Salinan sijil kursus/kekompetenan mengenai sistem telefon dan Sistem PABX; dan
 (ix) Surat sokongan/ surat jaminan/ surat kuasa daripada pembekal asal/pengedar utama perkakasan bagi mana-mana item yang berkaitan bagi membuktikan keaslian item tersebut (yang mana berkaitan).

Semua borang hendaklah diisi dengan lengkap seperti yang ditentukan dan ditaip dengan kemas dan terang. Jika ruangan yang disediakan tidak mencukupi, penyebutharga dibenarkan menaip maklumat-maklumat di muka surat tambahan.

6. Senarai semak untuk penyerahan dokumen adalah seperti berikut :

Bil	Senarai Dokumen	Dokumen Wajib Yang Perlu Dikemukakan
TAWARAN KEWANGAN / TAWARAN TEKNIKAL		
a.	Dokumen No. 3 : Spesifikasi Am	√
b.	Dokumen No. 4: Jadual Penentuan Spesifikasi Teknikal	√
c.	Dokumen No. 5 : Jadual Kuantiti	√
d.	Dokumen No. 6 : Ringkasan Jadual Harga	√
e.	Dokumen No. 7 : Jadual Kadar Harga	√
f.	Dokumen No. 8 : Skop Penyelenggaraan Bulanan	√
g.	Dokumen No. 9 : Borang Sebut Harga & Surat Akuan Pembida	√

Bil	Senarai Dokumen	Dokumen Wajib Yang Perlu Dikemukakan
h.	Dokumen No. 10 : Keterangan Mengenai Penyebutharga	√
i.	Dokumen wajib yang perlu dilampirkan:	
	(i) Profil Syarikat beserta rekod pengalaman bekerja yang lepas dan semasa.	√
	(ii) Salinan Penyata Bank tiga (3) bulan terkini (Januari 2022, Februari 2022 & Mac 2022)	√
	(iii) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor	√
	(iv) Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan	
	(v) Salinan Sijil Taraf Bumiputera (jika ada)	√
	(vi) Salinan Sijil SSM	√
j.	Dokumen Sokongan	
	(i) Jadual penyelenggaraan yang dicadangkan oleh penyebutharga. (lampiran tambahan)	
	(ii) Salinan sijil kursus/kekompetenan mengenai sistem telefon dan Sistem PABX.	
	(iii) Surat sokongan/ surat jaminan/ surat kuasa daripada pembekal asal/pengedar utama perkakasan bagi mana-mana item yang berkaitan bagi membuktikan keaslian item tersebut (yang mana berkaitan).	

7. Dokumen tawaran sebutharga hendaklah dikemukakan secara manual sebelum waktu dan tarikh tutup yang ditetapkan.
8. Tawaran sebutharga ini sah selama **sembilan puluh (90)** hari dari tarikh tutup bidaan.
9. Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun, kos penghantaran, servis dan cukai duti setem serta kos tambahan yang berkaitan.

10. Sebarang **tuntutan kenaikan harga** dalam jangka masa sah laku sebutharga **tidak akan dilayan.**
11. Kerajaan berhak memohon pelanjutan tempoh sah laku harga yang ditawarkan. Permohonan akan dibuat secara bertulis kepada Penyebutharga yang berjaya.
12. Sekiranya Penyebutharga bersetuju untuk melanjutkan tempoh sah laku sebutharga, Penyebutharga hendaklah menjawab secara bertulis kepada Kerajaan.
13. Penyebutharga yang enggan menandatangani kontrak yang telah disetujui terima atau yang menarik balik tawaran bidaan sebelum dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah tawaran dibuat, akan dikenakan tindakan penggantungan pendaftaran seperti berikut:
 - i) Dua (2) tahun bagi kesalahan pertama;
 - ii) Lima (5) tahun bagi kesalahan kedua; dan
 - iii) Pendaftaran akan dipotong terus bagi kesalahan berikutnya.
14. Penyebutharga yang tawarannya disetujuterima dikehendaki memberi perkhidmatan membekal semua barang tersebut pada tarikh yang ditetapkan oleh Kerajaan atau mana-mana tarikh lain seperti ditentukan oleh Kerajaan. Sekiranya Penyebutharga gagal berbuat demikian, tawaran yang disetujuterima akan dibatalkan dan nama Kontraktor serta nama pengarah-pengarah termasuk pemegang-pemegang saham terbesar akan disenarai hitamkan.
15. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran. Tiada sebarang alasan perlu diberikan oleh Kerajaan untuk sebarang penolakan tawaran. Keputusan mengenai tawaran yang diterima adalah muktamad. Sebarang surat menyurat mengenai keputusan tidak akan dilayan.
16. Penyebutharga yang berjaya akan dikehendaki mengikat kontrak dengan Kerajaan. Syarat-syarat tawaran sebutharga ini akan dijadikan sebahagian daripada kontrak. Syarat-syarat ini hendaklah diterima dan dipatuhi.

17. Sebarang pindaan yang dibuat ke atas mana-mana ruangan mestilah dipotong dan ditandatangani ringkas pada setiap perubahan yang dibuat. **Penggunaan sebarang pemadam cecair adalah tidak dibenarkan.** Kegagalan pematuhan syarat ini boleh mengakibatkan tawaran Penyebutharga ditolak.
18. Bagi Jadual Penentuan Spesifikasi Teknikal, Penyebutharga MESTI mengisinya dengan betul dan jelas perkataan “YA” atau “TIDAK” pada lajur “Pematuhan (YA/TIDAK) Mandatori”. Penyebutharga juga perlu mengisi dengan betul, ringkas dan tepat pada lajur “Cadangan (Sila perincikan) Mandatori”. Penggunaan perkataan “ditto”, “seperti di atas”, “Ya”, “Yes” dan “Comply” serta “Rujuk kepada Katalog” tidak akan diterima. Sekiranya tiada apa-apa maklumat hendak dicatat, sila gunakan perkataan “Tidak Berkenaan”.
19. Parlimen Malaysia BERHAK menolak tanpa penjelasan terhadap Penyebutharga yang gagal mematuhi perenggan 18 atau jawapan yang diberikan menimbulkan keraguan.
20. **PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN**
- 20.1 Sebarang perubahan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 20.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawarkan atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 20.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenarai hitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasmi di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009

(Akta 694).

20.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja-kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan dibawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Akta 694).

21 **PELAKSANAAN CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP) YANG BERKUATKUASA 1 SEPTEMBER 2018**

21.1 Semua tawaran harga oleh Pembekal hendaklah dikemukakan dengan dinyatakan harga tawaran tanpa Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP).

21.2 Senarai yang dikenakan Cukai Perkhidmatan seperti yang terdapat dalam Akta Cukai Perkhidmatan 2018. Sekiranya pembekal yang berjaya berdaftar CJCP dan perkhidmatan tersebut adalah termasuk dalam senarai yang dikenakan Cukai Perkhidmatan, Kerajaan akan menawarkan nilai perolehan termasuk kenaaan Cukai Perkhidmatan.

21.3 Pembekal hendaklah memaklumkan pada bila-bila masa setelah berdaftar dengan JKDM kepada Kerajaan supaya Cukai Perkhidmatan boleh dibayar. Kegagalan atau kelewatan syarikat untuk memaklumkan kepada Kerajaan mengenai status pendaftaran dengan JKDM akan menyebabkan syarikat perlu menanggung CJCP dan tidak layak menuntut apa-apa bayaran daripada Kerajaan.

22. PELAKSANAAN PROGRAM PROFESSIONAL TRAINING AND EDUCATION FOR GROWING ENTREPRENEURS (PROTEGE) DALAM PEROLEHAN KERAJAAN (1PP/PK1.2)

22.1 Penyebut harga adalah dikehendaki melaksanakan program PROTEGE dalam perolehan kerajaan mengikut had nilai ambang (threshold value) dan sektor seperti berikut :

Bil	Sektor	Nilai Ambang (RM)
1	Pembinaan	10 juta

2	Perkhidmatan / Penyelenggaraan Bangunan / Infrastruktur / Jalan	5 juta
3	Teknologi Informasi dan Komunikasi	10 juta
4	Perkhidmatan Perunding	5 juta
5	Perubatan dan Farmasi	10 juta
6	Perkhidmatan Sokongan Kesihatan	10 juta
7	Perkhidmatan Penyelenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih	10 juta
8	Pengangkutan dan Logistik	10 juta
9	Pertahanan Strategik	10 Juta
10	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan	4 juta
11	Sektor Lain	10 juta

- 22.2 Syarikat hendaklah memperuntukkan sekurang-kurangnya 1% daripada keseluruhan kos projek bagi melaksanakan program PROTEGE.
- 22.3 Syarikat yang mendapat kontrak Kerajaan di bawah nilai ambang digalakkan untuk melaksanakan program PROTEGE, namun tidak tertakluk kepada penetapan 1% daripada nilai kontrak keseluruhan.
- 22.4 Penetapan bilangan minimum peserta SL1M bagi sesuatu kontrak dikira berdasarkan formula berikut :

$$\frac{1\% \times \text{Kos Keseluruhan Projek}}{\text{Prolehan RM24,000}^*}$$

* Elaun PROTEGE (RM2,000 seorang X 12 bulan)

23. **LIQUIDATED & ASCERTAINED DAMAGES (LAD)**

- 23.1 Sebaik sahaja arahan dikeluarkan untuk memulakan perkhidmatan, syarikat dikehendaki melaksanakan perkhidmatan tersebut mengikut jadual dan spesifikasi yang telah ditetapkan.
- 23.2 Sebarang kegagalan syarikat dalam mematuhi perkara tersebut (lewat/gagal/kurang kualiti atau lain-lain) boleh mengakibatkan tindakan

diambil ke atas syarikat dengan pengenaan LAD, Denda atau Tolakan mengikut formula berikut :

$$(PR / 365 \text{ hari}) \times \text{nilai kontrak}$$

- 23.3 Sekiranya syarikat gagal menyempurnakan perkhidmatan yang telah ditetapkan dalam tempoh kontrak yang dipersetujui, maka syarikat dikehendaki membayar denda dalam tempoh 30 hari setelah menerima notis denda daripada Kerajaan dengan menggunakan formula di atas
24. Sebarang penjelasan yang diperlukan mengenai sebut harga ini hendaklah dialamatkan kepada:

Ketua Jurutera
Bahagian Senggara Fasiliti &
Landskap Aras 4
Blok Ahli Parlimen Dan
Pentadbiran Jalan Parlimen
50680 Kuala Lumpur

DOKUMEN NO. 2

SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA UNTUK KERJA

SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA UNTUK KERJA

1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. INSURANS

- 2.1 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja* (sekiranya dinyatakan di dalam Butirbutir Ringkasan Sebutharga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.
- 2.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota – nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasal 9(d).

3. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA

- 3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butirbutir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.
- *3.2 Kerja-kerja elektrik yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan 3.1 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:
 - (i) Suruhanjaya Tenaga

- (ii) Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan
- (iii) Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
- (iv) Jabatan Bomba dan Penyelamat
- (v) Pihak Berkuasa Tempatan

** Tidak terikat kepada senarai seperti yang dinyatakan sahaja.*

4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

5. SUB-SEWA DAN MENYERAHHAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada Kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahhak apa-apa faedah di bawah Inden ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN

- 6.1 Pegawai Inden atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi kepadanya baucar-baucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerjakerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.
- 6.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.
- 6.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

7. RINGKASAN SEBUT HARGA

- 7.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- 7.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sempurnanya.
- 7.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja.
- 7.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahnya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.
- 7.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 7.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.
- 7.6 Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga bagi sebut harga tersebut akan diselaraskan.

8. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 8.1 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnya dari Dokumen Sebut Harga itu.

- 8.2 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga, pihak kontraktor hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

9. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KAEDAH BARANG

Semua barang hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG-BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang-barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAN

- i. Kerajaan tidak terikat untuk menyetujui terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga.
- ii. Tiap-tiap satu butiran akan ditimbang sebagai suatu sebut harga berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- i. Kerajaan adalah sentiasa berhak menghendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.
- ii. Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa Barang-barang yang dibekalkan oleh Perkhidmatan

mereka adalah mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- i) Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak.
- ii) Apabila diminta penyebut harga hendaklah menyebabkan barang-barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaan sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak.
- iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kemungkiran kontrak.

9. **PENGIKLANAN**
Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. **TAKSIRAN**
Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak timbul daripadanya.

11. **INSURAN**
Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

BARANG-BARANG EK-STOK ATAU KELUARAN MALAYSIA

12. **CUKAI**
Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. **PEMBUNGKUSAN**
i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. **PENGENALAN**
Nama pembuat jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan hendaklah ditunjukkan.

BARANG-BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. **CUKAI**
Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai, unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. **MATAWANG**
Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam **Ringgit Malaysia (RM)**

17. **PEMBUNGKUSAN**
i. Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak dibungkus.
ii. Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
iii. Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti.

DOKUMEN NO. 3
SPESIFIKASI AM

SPESIFIKASI AM

PROJEK: KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TALIAN TELEFON DAN SISTEM PABX DI BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA.

1.0 AM

- 1.1 Kontraktor hendaklah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan talian telefon dan Sistem PABX di Bangunan Parlimen untuk tempoh 12 bulan ataupun sebarang perlanjutan tempoh oleh Parlimen Malaysia.
- 1.2 Kerja-kerja penyelenggaraan dalam kontrak ini adalah secara berkala dengan kekerapan 4 kali untuk tempoh 12 bulan dan mengemukakan laporan senggaraan serta cadangan pembaikan kepada P.P/WAKIL P.P. termasuk kos atau caj yang perlu untuk menyiapkan kerja dengan sempurna.
- 1.3 Parlimen Malaysia mempunyai hak untuk mendapatkan khidmat pihak ketiga untuk menyiapkan kerja yang tiada dalam skop kontrak ini.
- 1.4 Kontraktor hendaklah melantik orang kompeten yang berkelayakan untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan talian telefon dan sistem PABX di Bangunan Parlimen.

2.0 UNDANG-UNDANG PERATURAN DAN PIAWAIAN

- 2.1 Semua kerja yang dilaksanakan termasuk kakitangan yang melaksanakan kerja, bahan dan peralatan hendaklah mematuhi undang-undang, peraturan dan piawaian daripada pihak berkuasa dan berwajib yang berkaitan.
- 2.2 Kontraktor hendaklah bertanggungjawab untuk penyerahan bagi semua permohonan yang berkaitan kepada Pihak berkuasa bagi tujuan melaksanakan kerja mengikut syarat-syarat kontrak dan spesifikasi kerja di bawah kontrak ini.

- 2.3 Sebarang bayaran/denda yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa berkenaan adalah menjadi tanggungjawab kontraktor.
- 2.4 Semua alat ganti dan kelengkapan hendaklah baru, tidak terpakai dan sama seperti yang sedia ada terpasang. Sekiranya ada pilihan (alternative) alat ganti yang digunakan, ia hendaklah sama ataupun lebih baik kualiti daripada alat asal dan bergantung kepada kelulusan P.P/Wakil P.P.

3.0 SKOP KERJA

- 3.1 Tugas utama kontraktor membabitkan adalah seperti berikut:-

3.1.1 Penyelenggaran Berjadual (Routine Maintenance).

- Jadual perancangan perlu dikemukakan untuk kelulusan selepas menandatangani surat setuju terima.
- Pemeriksaan berjadual ke atas talian telefon dan sistem PABX secara berkala dengan kekerapan 4 kali untuk tempoh 12 bulan.
- Mengemukakan laporan senggaraan serta cadangan pembaikan kepada P.P/WAKIL P.P. termasuk kos atau caj yang perlu untuk menyiapkan kerja dengan sempurna.

3.1.2 Wang Peruntukan Sementara (Kerja-kerja Pembaikan/ Kecemasan)

Melaksanakan kerja-kerja kecemasan/baikpulih talian atau sistem telefon atau lain-lain arahan berkaitan dengan sistem tersebut dari Jurutera Elektrik Kanan mengikut Jadual Kadar Harga yang diisi oleh kontraktor atau harga yang dipersetujui bersama sekiranya tiada dalam senarai Jadual Kadar Harga.

- 3.2 Kontraktor bertanggungjawab sepenuhnya untuk merancang dan melaksanakan aktiviti kontraktor mengikut kontrak ini.
- 3.3 Kontraktor hendaklah mematuhi semua peraturan daripada Agensi Penguatkuasa yang berkaitan, membekalkan peralatan, kelengkapan, pekerja dan melaksanakan kerja-kerja pengurusan dan operasi mengikut kontrak ini dalam tempoh masa kontrak berjalan.

- 3.4 Kontraktor bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan di tempat kerja. Sebarang kerugian, kehilangan atau kerosakan akibat kecuaiannya kontraktor, kos penggantian semula adalah di bawah tanggungjawab kontraktor.
- 3.5 Kontraktor hendaklah menghargakan sebutharga berdasarkan item yang dinyatakan di dalam Ringkasan Tawaran dan mengisi ruang di dalam Jadual Kadar Harga.
- 3.6 Tempoh kontrak untuk kerja-kerja penyelenggaraan ini ialah selama dua belas (12) bulan.

4.0 OPERASI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN

- 4.1 Dokumen Sebutharga ini merangkumi penyelenggaraan ke atas talian telefon dan sistem PABX termasuk perisian yang digunakan untuk memastikan keseluruhan sistem berfungsi dengan sempurna serta lain-lain sistem dan peralatan yang berangkai dengannya.
- 4.2 Jadual Perancangan dan skop kerja bagi pemeriksaan berjadual hendaklah diserahkan kepada P.P/WAKIL P.P sebelum menjalankan kerja. Kontraktor perlu memohon kebenaran kepada P.P/WAKIL P.P sekurang-kurangnya satu (1) minggu lebih awal dari tarikh perancangan kerja yang akan dilakukan.
- 4.4 Kontraktor perlu menyediakan laporan bergambar yang lengkap untuk keadaan dan prestasi semasa talian telefon dan sistem PABX serta hendaklah mengemukakan syor pembaikan atau penambahbaikan jika ada supaya sistem yang diselenggara sentiasa dalam keadaan baik dan sempurna.
- 4.5 Kontraktor diingatkan bahawa P.P/WAKIL P.P berhak membuat pemotongan bayaran sekiranya kerja-kerja yang dilakukan tidak mengikut spesifikasi kerja atau tidak memuaskan P.P/WAKIL P.P. Kadar pemotongan adalah merujuk kepada jadual kadar harga yang telah

ditetapkan atau merujuk kepada mana-mana kaedah yang dirasakan sesuai dan yang mana paling menguntungkan Parlimen Malaysia.

- 4.6 Talian telefon dan sistem PABX termasuk kelengkapan lain yang berkaitan hendaklah sentiasa berada dalam keadaan baik serta berfungsi dengan sempurna. Semua kerja ke atas peralatan dan kelengkapan hendaklah dilaksanakan oleh kakitangan yang mahir (kompeten) dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan.
- 4.7 Kontraktor diingatkan untuk kerja-kerja kontraktor semasa waktu pejabat tidak dapat diselesaikan di atas sebarang sebab yang tidak dijangkakan, kerja-kerja tersebut hendaklah dilakukan selepas waktu pejabat. Tiada tuntutan tambahan boleh dibuat kepada Parlimen Malaysia di atas sebab-sebab di atas. Kontraktor hendaklah menjangkakan sebarang kerja yang terpaksa dilaksanakan di luar waktu pejabat. Kontraktor hendaklah memaklumkan kepada P.P/WAKIL P.P terlebih dahulu.
- 4.8 Apabila P.P/WAKIL P.P membuat pemeriksaan ke atas kerja-kerja yang dijalankan oleh kontraktor, kontraktor hendaklah membantu dan bekerjasama serta mengemukakan apa-apa dokumen sekiranya diminta oleh P.P/WAKIL P.P.
- 4.9 Kontraktor hendaklah merancang dan melaksanakan kerja-kerja mengikut spesifikasi yang telah dinyatakan dan memastikan tidak mengganggu operasi pentadbiran, persidangan di Dewan Rakyat dan persidangan Dewan Negara.
- 4.10 Kontraktor perlulah sentiasa bersedia untuk menjalankan arahan dari P.P/WAKIL P.P samada di dalam atau di luar waktu pejabat untuk menangani sebarang masalah yang berkaitan dengan sistem talian telefon dan PABX
- 4.11 Kerja-kerja yang diarahkan berkemungkinan yang telah dirancang ataupun tidak dirancang (urgent).

4.12 Kontraktor adalah diingatkan bahawa P.P/WAKIL P.P berhak memanggil bila-bila masa diperlukan dan dimestikan hadir ke Kompleks Parlimen Malaysia bagi arahan kerja yang dikeluarkan oleh P.P/WAKIL P.P. Tuntutan bayaran hendaklah mengikut harga yang dinyatakan di dalam Jadual Kadar Harga atau sekiranya tiada dalam senarai jadual kadar harga, tuntutan bayaran perlulah merujuk kepada kaedah bayaran yang dipersetujui bersama atau yang lebih menguntungkan pihak kerajaan.

4.13 Semua pekerja kontraktor adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan Parlimen Malaysia.

5.0 MASA TINDAK BALAS

5.1 Kontraktor perlu memberi maklumbalas dan mengambil tindakan sewajarnya pada hari yang sama ke atas arahan oleh P.P / WAKIL P.P. Masa tindak balas adalah seperti berikut :

No	Perkara	Masa Tindak Balas
1.	Semasa waktu pejabat	Segera atau sehingga tempoh 2 jam
2.	Selepas waktu pejabat/Cuti Umum	Segera atau sehingga tempoh 3 jam

6.0 PEMBEKALAN PERALATAN

6.1 Peralatan atau alat ganti yang di bekalkan mestilah mengikut piawaian yang diluluskan oleh SIRIM atau JKR atau lain-lain agensi penguatkuasa yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

6.2 Kontraktor juga adalah diminta untuk menyediakan laporan lengkap secara bertulis setiap aktiviti pembaikan yang telah dijalankan lengkap dengan senarai alat ganti kepada Parlimen Malaysia. Sebarang penggantian

alatganti perlu mendapat kelulusan P.P/WAKIL P.P terlebih dahulu. **Alat ganti tersebut hendaklah disertakan bersama dengan surat jaminan alatganti daripada pengeluar atau sijil perakuan daripada pembuat.**

- 6.3 Kontraktor hendaklah membekal alat-alat tambahan seperti yang diarahkan oleh P.P atau wakil P.P. Bayaran akan dibuat mengikut Jadual Kadar Harga dan sekiranya tiada di dalam senarai Jadual Kadar Harga, Tuntutan bayaran akan dibuat berdasarkan persetujuan bersama dan yang menguntungkan pihak kerajaan.

7.0 LAPORAN DAN REKOD

- 7.1 Kontraktor hendaklah menyediakan laporan setiap kali pemeriksaan berjadual dilaksanakan dalam bentuk hardcopy kepada P.P/WAKIL P.P. Laporan hardcopy hendaklah ditandatangani dan disahkan oleh wakil syarikat yang diberi kuasa. Laporan yang disediakan hendaklah dinyatakan tarikh dan aktiviti yang dilaksanakan. Format laporan yang disediakan hendaklah mendapat kelulusan P.P/WAKIL P.P.

8.0 HASIL KERJA (*WORKMANSHIP*)

- 8.1 Kontraktor hendaklah menghantar kakitangan yang telah terbukti terlatih (kompeten) untuk memastikan kerja-kerja yang dijalankan adalah berkualiti. Semua kerja yang dilaksanakan mestilah disahkan oleh P.P/WAKIL P.P untuk mengawal kualiti kerja.
- 8.2 P.P/WAKIL P.P berhak untuk meminta kontraktor menukarkan pekerja yang dihantar untuk melaksanakan kerja dengan pekerja lain yang lebih berkelayakkan jika pekerja asal didapati tidak memenuhi *standard yang* telah ditetapkan oleh Parlimen Malaysia. Jika kerja sebelum itu tidak diselesaikan dengan sempurna, pekerja baru yang dihantar mestilah melaksanakan semula kerja tersebut.
- 8.3 P.P/WAKIL P.P hendaklah senantiasia dibenarkan oleh kontraktor untuk lawatan pemeriksaan. P.P/WAKIL P.P juga berhak untuk memeriksa, menyelia dan mengambil sebarang data ke atas kerja yang dilaksanakan

oleh kakitangan kontraktor. Kontraktor hendaklah sentiasa membantu P.P/WAKIL P.P untuk mendapat sebarang maklumat mengenai kerja yang dilaksanakan.

- 8.4 P.P/WAKIL P.P juga berhak untuk memasuki kawasan kerja dan mengambil alih kerja dibawah kontrak ini sekiranya kontraktor yang dilantik gagal melaksanakan kerja mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Parlimen Malaysia.

9.0 SYARAT BAYARAN

- 9.1 Bayaran bagi perkhidmatan yang diberikan akan dibayar secara bulanan dengan syarat pihak P.P/WAKIL P.P telah berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan dan telah menerima invois dari syarikat.
- 9.2 Kontraktor hanya boleh melakukan apa-apa perkara yang terkandung di dalam kontrak ini sahaja. Jika pihak kontraktor melakukan apa-apa pekerjaan yang tidak terangkum di dalam kontrak ini dan ianya melibatkan kos, pihak Parlimen Malaysia tidak akan membuat sebarang bayaran kepada kontraktor.

DOKUMEN NO. 4

JADUAL PENENTUAN SPESIFIKASI TEKNIKAL

DOKUMEN NO. 4

JADUAL PENENTUAN SPESIFIKASI TEKNIKAL**KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TALIAN TELEFON DAN PABX DI BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA**

BIL	KETERANGAN	Mandatori Nyatakan YA/TIDAK	Lain-lain Kenyataan
1.	<p>Kontraktor perlu menyediakan kakitangan teknikal yang kompeten dan terlatih dengan talian telefon dan sistem PABX sediada di Kompleks Parlimen Malaysia :</p> <p>i) Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dengan kekerapan 4 kali untuk tempoh 12 bulan.</p> <p>ii) Mahir dalam perisian sistem NEC SV8100 dan SV9100 untuk konfigurasi talian telefon. (melampirkan salinan sijil kursus/sijil kompeten mengenai sistem in; jika ada).</p>	<p>_____</p> <p>_____</p>	<p>_____</p> <p>_____</p>
2.	<p>Jadual perancangan perlu dikemukakan untuk kelulusan selepas menandatangani surat setuju terima.</p>	<p>_____</p>	<p>_____</p>
3	<p>Kontraktor perlu menyediakan laporan penyelenggaraan setiap kali penyelenggaraan sepertimana di Dokumen No. 8 lengkap dengan gambar sebelum, semasa dan selepas.</p>	<p>_____</p>	<p>_____</p>

BIL	KETERANGAN	Mandatori Nyatakan YA/TIDAK	Lain-lain Kenyataan									
4	Kontraktor hendaklah menyediakan segala peralatan pengujian yang ditauliah dan ditentukur bagi menjalankan kerja-kerja ini.											
5	<p>Hadir ke Kompleks Parlimen Malaysia apabila diarahkan oleh pegawai P.P/Wakil P.P atau untuk menyelesaikan aduan berkaitan dengan sistem talian telefon dan sistem PABX mengikut masa tindakbalas seperti berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="217 701 1094 987"> <thead> <tr> <th data-bbox="217 701 280 757">No</th> <th data-bbox="280 701 676 757">Perkara</th> <th data-bbox="676 701 1094 757">Masa Tindak Balas</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="217 757 280 846">1.</td> <td data-bbox="280 757 676 846">Semasa waktu pejabat</td> <td data-bbox="676 757 1094 846">Segera atau sehingga tempoh 2 jam</td> </tr> <tr> <td data-bbox="217 846 280 987">2.</td> <td data-bbox="280 846 676 987">Selepas waktu pejabat/Cuti Umum</td> <td data-bbox="676 846 1094 987">Segera atau sehingga tempoh 3 jam</td> </tr> </tbody> </table> <p><i>Nota:</i> - Tanpa sebarang kos kecuali jika melibatkan penukaran alat ganti.</p>	No	Perkara	Masa Tindak Balas	1.	Semasa waktu pejabat	Segera atau sehingga tempoh 2 jam	2.	Selepas waktu pejabat/Cuti Umum	Segera atau sehingga tempoh 3 jam		
No	Perkara	Masa Tindak Balas										
1.	Semasa waktu pejabat	Segera atau sehingga tempoh 2 jam										
2.	Selepas waktu pejabat/Cuti Umum	Segera atau sehingga tempoh 3 jam										
6	Skop penyelenggaraan tidak terbatas kepada perkara-perkara yang disebutkan di atas sahaja. Kontraktor juga perlu menjalankan pemeriksaan yang difikirkan <i>relevan</i> bagi mencapai prestasi yang optimum.											
7	<p>KELAYAKAN DAN KOMPETENAN PEKERJA</p> <p>i) Kontraktor hendaklah menyediakan pekerja-pekerja teknikal yang berkelayakan dan berpengalaman dan yang mencukupi mengikut kehendak-kehendak kontrak.</p> <p>ii) Kontraktor hendaklah menjalankan kerja dengan mematuhi segala keperluan serta peraturan yang ditentukan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR).</p> <p>iii) Kontraktor hendaklah mengemukakan salinan sijil-sijil kelayakan yang sah bagi semua pekerja serta butiran pengalaman mereka.</p> <p>iv) mahir dalam sistem perisian NEC SV8100 dan SV9100</p>											

	<p>perlaksanaan kerja-kerja dalam kontrak ini supaya mereka dapat menjalankan tugas dengan selamat dan profesional.</p> <p>iii) Tanpa percanggahan dengan mana-mana syarat kontrak, semua kakitangan/pekerja kontraktor ditapak hendaklah mematuhi semua peraturan-peraturan rasmi semasa yang ditetapkan oleh pihak jabatan pengguna, dan jika terdapat sebarang pertikaian yang timbul mengenai pematuhan peraturan tersebut hendaklah dirujuk kepada P.P dengan kadar segera untuk penyelesaian.</p> <p>iv) Segala kos berkaitan ujian saringan jangkitan Covid-19 dan langkah-langkah pencegahan adalah di bawah tanggungan syarikat.</p>		
8.	KAWALAN AMALAN KERJA DAN PEKERJA KONTRAKTOR		
	<p>i) Kontraktor hendaklah memastikan supaya semua pekerja-pekerjanya menjalankan kerja-kerja dan pengujian mengikut amalan kejuruteraan yang baik, selamat, berdisplin dan mematuhi perincian kontrak.</p> <p>ii) Kontraktor hendaklah menyediakan kepada pekerja-pekerjanya segala bahan-bahan pakaian, perkakas dan peralatan kerja serta kenderaan yang diperlukan untuk pelaksanaan kerja-kerja dalam kontrak ini supaya mereka dapat menjalankan tugas dengan selamat dan profesional.</p> <p>iii) Tanpa percanggahan dengan mana-mana syarat kontrak, semua kakitangan/pekerja kontraktor ditapak</p>		

	<p>hendaklah mematuhi semua peraturan-peraturan rasmi semasa yang ditetapkan oleh pihak jabatan pengguna, dan jika terdapat sebarang pertikaian yang timbul mengenai pematuhan peraturan tersebut hendaklah dirujuk kepada P.P dengan kadar segera untuk penyelesaian.</p> <p>iv) Segala kos berkaitan ujian saringan jangkitan Covid-19 dan langkah-langkah pencegahan adalah di bawah tanggungan syarikat.</p>		
9.	PERALATAN DAN PERKAKAS PENGUJIAN		
	<p>i) Kontraktor perlu mengadakan dan menggunakan peralatan pengujian yang sesuai dan diluluskan untuk melaksanakan kerja-kerja pengujian yang ditetapkan dalam sebutharga.</p> <p>ii) Kos bagi kesemua peralatan dan perkakasan yang berkenaan tidak akan dikenakan bayaran berasingan oleh kontraktor tetapi hendaklah dimasukkan dalam kos bayaran kerja-kerja pengujian atau pemeriksaan dalam SKOP yang ditawarkan oleh kontraktor dan kos pengujian atau pemeriksaan dalam Jadual Kuantiti.</p>		

BIL	KETERANGAN	Mandatori Nyatakan YA/TIDAK	Lain-lain Kenyataan
10.	KAWALAN MUTU KERJA, PEMERIKSAAN DAN PENGESAHAN KERJA		
	<p>i) Penyelia tapak hendaklah memeriksa dan menentusahkan kerja-kerja yang telah disiapkan oleh pekerja-pekerja mengikut kehendak-kehendak sebutarga dari segi kuantiti dan mutu yang ditetapkan sebelum pemeriksaan akhir oleh pihak kerajaan. Laporan pemeriksaan dan pengesahan hendaklah secara bertulis dan direkodkan.</p> <p>ii) P.P atau wakil P.P atau mana-mana pegawai jabatan yang diberi kuasa hendaklah menentusahkan kerja-kerja yang dilaksanakan telah disempurnakan tanpa sebarang kemungkiran sebutarga untuk tujuan rekod dan pembayaran.</p> <p>iii) Sekiranya terdapat sebarang keraguan terhadap pematuhan sebutarga, pihak kerajaan berhak menyiasat semula dan membuat keputusan yang lain walaupun ianya telah pun disahkan oleh pegawai-pegawai yang diwakilkan.</p>		
11.	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN & PENGUJIAN		
	i) Kontraktor hendaklah mengatur supaya keseluruhan pemasangan diuji dan dipersijilkan dengan sempurna dan selamat digunakan, mengikut peraturan dan kehendak mana-mana pihak berkuasa tempatan, pihak berkuasa bekalan, dan pihak berkuasa yang tertakluk		

	<p>kepada peruntukan undang-undang yang berkaitan terhadap pemasangan dan peralatan yang dipasang. Pengujian hendaklah dilaksanakan oleh orang yang berkelayakan dan kompeten mengikut undang-undang dan peraturan.</p> <p>ii) Kontraktor hendaklah menjadualkan kerja-kerja pengujian tersebut dengan merujuk kepada P.P/Wakil P.P.</p>		
12.	UNDANG-UNDANG, PERATURAN		
	<p>i) Semua kerja-kerja kalibrasi (ujitatah) dan pengujian, bahan-bahan dan peralatan yang dibekalkan di bawah sebutarga ini adalah tertakluk kepada pematuhan kehendak dan peraturan-peraturan berikut: -</p> <p>15.1.1 Akta 447: Akta Bekalan Elektrik 1990</p> <p>15.1.2 Peraturan-peraturan Bekalan Elektrik 1994</p> <p>15.1.3 Spesifikasi-spesifikasi JKR (JKR Specifications)</p> <p>15.1.4 MS.IEC 364:1996 or BS 7671:1996 (IEE Wiring Regulations),</p> <p>15.1.5 Uniform Building By-Laws 1984</p> <p>15.1.6 Factories and Machinery Act 1967,</p> <p>15.1.7 Occupation safety and Health Act 514:1994,</p> <p>15.1.8 Peraturan Jabatan Alam Sekkitar</p>		

BIL	KETERANGAN	Mandatori Nyatakan YA/TIDAK	Lain-lain Kenyataan
	15.1.9 Piawaian Malaysia yang terkini (The latest Malaysian Standards) yang berkaitan, 15.1.10 Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik tempatan, 15.1.11 Apa-apa arahan oleh Pegawai Penguasa (P.P)		
	ii) Semua kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan yang dilaksanakan di bawah sebutarga ini melibatkan orang yang melaksana kerja, bahan-bahan, dan peralatan hendaklah mematuhi undang-undang, peraturan-peraturan dan arahan-arahan berikut:- 15.2.1 Suruhanjaya Tenaga (ST) 15.2.2 Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, 15.2.3 Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan (DOSH), 15.2.4 Jabatan Bomba dan Penyelamat (Bomba), 15.2.5 Jabatan Alam Sekitar (DOE) 15.2.6 Jabatan Kerja Raya (JKR), 15.2.7 Jabatan Penerbangan Awam (DCA), 15.2.8 Lain-lain jabatan kerajaan, pihak berkuasa kemudahan, pihak berkuasa tempatan, syarikat atau pemegang lesen yang diberi kuasa undang-undang terhadap kerja-kerja dalam kontrak ini. 15.2.9 Jabatan-jabatan pengguna dimana premis pemasangan berada atau jabatan-jabatan pemilik premis yang berkaitan.		

DOKUMEN NO. 5
JADUAL KUANTITI

JADUAL KUANTITI**KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TALIAN TELEFON DAN SISTEM PABX DI BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA****NO. SEBUTHARGRA : PAR.2/367 SH.16/2022**

BIL	KETERANGAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
A	<u>KERJA-KERJA PERMULAAN DAN KEHENDAK AM</u> **Nota : <i>Sila rujuk Dokumen No. 3 (Specifications For Services And Maintenance) dan Dokumen No. 8 (Maintenance Schedule) dalam penyediaan harga sebutharga. Harga sebutharga mestilah memenuhi semua keperluan Kerajaan seperti dokumen tersebut.</i> <i>Kiraan bayaran secara empat (4) kali lawatan dalam tempoh dua belas (12) bulan. Pelarasan bayaran akan dibuat setiap kali lawatan mengikut kefungsiian peralatan.</i>				
1.0	Menyediakan polisi insurans Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana / kemalangan dan kerosakan harta benda) dan polisi insuran kerja.	lot	1		
2.0	Kos penjilidan Dokumen Kontrak sebanyak 4 set (Hardcover) dan bahan-bahan contoh termasuk catalog.	lot	1		
3.0	Menyediakan dan mengemukakan laporan penilaian awalan / laporan pengauditan keupayaan / kefungsiian keseluruhan talian telefon dan sistem PABX di Bilik server dan di Bilik Khidmat Pelanggan beserta Senarai Inventori Peralatan (1 bulan selepas tarikh kontrak dianugerahkan) seperti yang diterangkan di dalam Dokumen No. 3 dalam bentuk <i>sofcopy</i> dan <i>hardcopy</i> .	lot	1		
	JUMLAH KECIL 'A'				

JADUAL KUANTITI**KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TALIAN TELEFON DAN SISTEM PABX DI BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA****NO. SEBUTHARGRA : PAR.2/367 SH.16/2022**

BIL	KETERANGAN KERJA	KUANTITI	KADAR HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
B	<p><u>PENYELENGGARAAN SECARA BERMASA (QUARTER)</u> ** Nota :</p> <p><i>Sila rujuk Dokumen No. 3 (Spesifikasi Am) dan Dokumen No. 8 (Jadual Penyelenggaraan) dalam penyediaan harga sebutharga. Harga sebutharga mestilah memenuhi semua keperluan Kerajaan seperti dokumen tersebut.</i></p> <p><i>Kiraan bayaran secara empat (4) kali lawatan dalam tempoh dua belas (12) bulan. Pelarasan bayaran akan dibuat setiap kali lawatan mengikut kefungsiian peralatan.</i></p> <p><i>Perkhidmatan yang ditawarkan hendaklah mematuhi sepertimana di dalam Jadual Penentuan Spesifikasi Teknikal (Dokumen 4).</i></p>			
1.0	<p>Menyediakan satu pasukan servis untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan bermasa (<i>quarter</i>) ke atas semua skop kerja di bawah sistem talian telefon, talian faks dan sistem PABX seperti di dalam Dokumen No 3. Pasukan ini akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sistem telefon, faks dan sistem PABX tersebut dan mempunyai 'on call service' pada waktu pejabat (8.00 pagi hingga 6.00 petang). Keperluan kakitangan di tapak adalah seperti Dokumen No 3. Garis Panduan penyelenggaraan adalah seperti Dokumen No. 8. Kerja-kerja penyelenggaraan yang perlu dilaksanakan dalam tempoh bermasa merangkumi sistem seperti berikut:-</p> <p>a) NEC SL2100 - syarikat hendaklah mematuhi garis panduan penyelenggaraan seperti Dokumen No.8 dan syarikat disyorkan untuk menambah senarai semak garis panduan tersebut jika ada.</p>			
		4	/kali	
		kali	/kali	

JADUAL KUANTITI**KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TALIAN TELEFON DAN SISTEM PABX DI BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA****NO. SEBUTHARGRA : PAR.2/367 SH.16/2022**

BIL	KETERANGAN KERJA	KUANTITI	KADAR HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
	b) NEC SV8100 - syarikat hendaklah mematuhi garis panduan penyelenggaraan seperti Dokumen No.8 dan syarikat disyorkan untuk menambah senarai semak garis panduan tersebut jika ada.	4 kali	 /kali	
	c) NEC SV9100 - syarikat hendaklah mematuhi garis panduan penyelenggaraan seperti Dokumen No.8 dan syarikat disyorkan untuk menambah senarai semak garis panduan tersebut jika ada.	4 kali	 /kali	
	d) Sistem Key Phone (Panasonic: KX-TEB308) - syarikat hendaklah mematuhi garis panduan penyelenggaraan seperti Dokumen No.8 dan syarikat disyorkan untuk menambah senarai semak garis panduan tersebut jika ada.	4 kali	 /kali	
2.0	Menyediakan laporan yang mempunyai Analisis Kefungsian Keseluruhan Sistem, Laporan Kerja Pembaikan, Laporan Penggantian Alatganti/ komponen, Laporan Kerja Penyelenggaraan Pencegahan, Rekod kerja pembaikan dan penyelenggaraan bergambar (Sebelum, Sedang dan Selepas) untuk setiap kali penyelenggaraan dibuat.	4 kali	 /kali	
	JUMLAH KECIL 'B'			

JADUAL KUANTITI**KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TALIAN TELEFON DAN SISTEM PABX DI BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA****NO. SEBUTHARGRA : PAR.2/367 SH.16/2022**

BIL	KETERANGAN KERJA	KUANTITI	KADAR HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
C	<u>PELBAGAI</u>			
1.0	Menyedia dan memberikan latihan kepada Pegawai Parlimen berkaitan penyelenggaraan sistem telefon dan PABX. Nota :- sila nyatakan cadangan modul dan lokasi latihan yang akan di laksanakan di lampiran tambahan. - Perlu di ambil kira bilangan pegawai sebanyak 15 orang.	1 Kali	Harga pukal	
	JUMLAH KECIL 'C'			

JADUAL KUANTITI**KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TALIAN TELEFON DAN SISTEM PABX DI BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA****NO. SEBUTHARGRA : PAR.2/367 SH.16/2022**

BIL	KETERANGAN KERJA	KUANTITI	KADAR HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
D	<u>KUANTITI SEMENTARA (PROVISIONAL SUM)</u>			
1.0	<p>Kuantiti sementara digunakan untuk kerja-kerja pembaikan apabila memerlukan penggantian peralatan/ bahan bagi sistem-sistem yang terlibat di bawah skop ini seperti Sistem NEC SV8100, SV9100, NEC SL2100, Sistem Key Phone, Sistem Operator console dan peralatan-peralatan di Bilik PABX yang mana hanya boleh dilaksanakan mengikut arahan Pegawai Penguasa/ Jurutera Elektrik Kanan.</p> <p>*** Kadar harga adalah seperti Jadual Kadar Harga yang mana perlu diisi oleh kontraktor. Sekiranya kadar harga tersebut tidak dipenuhi oleh kontraktor, sebutharga kontraktor boleh ditolak. Manakala sekiranya terdapat peralatan yang tidak disenaraikan di bawah Jadual Kadar Harga, kontraktor boleh mengemukakan sebutharga bagi kerja pembaikan tersebut dan tertakluk kepada kelulusan Pegawai Penguasa/ Jurutera Elektrik Kanan.</p>	1 lot	Harga Pukal	20,000.00
	JUMLAH KECIL 'D'			20,000.00

DOKUMEN NO. 6
RINGKASAN JADUAL HARGA

DOKUMEN NO. 6

RINGKASAN JADUAL HARGA**KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TALIAN TELEFON DAN SISTEM PABX DI BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA**

NO. SEBUTHARGRA : PAR.2/367 SH.16/2022

BIL	KETERANGAN KERJA	JUMLAH (RM)
A	KERJA-KERJA PERMULAAN DAN KEHENDAK AM	
B	BAYARAN BULANAN	
C	PELBAGAI	
D	KUANTITI SEMENTARA (PROVISIONAL SUM)	20,000.00
JUMLAH KESELURUHAN **		

Ringgit Malaysia :

.....

***NILAI INI HENDAKLAH SAMA DENGAN NILAI YANG DITAWARKAN, JIKA TIDAK SEBUTHARGA YANG DIKEMUKAKAN TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**

Tempoh kerja yang ditawarkan : hari

.....
Tandatangan Kontraktor.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh:.....

Nama Penuh:.....

Atas Sifat :.....

Atas Sifat:.....

No. Kad Pengenalan:.....

No. Kad Pengenalan:.....

Alamat :.....

Alamat :.....

.....

.....

Tarikh :.....

Tarikh :.....

DOKUMEN NO. 7
JADUAL KADAR HARGA

JADUAL KADAR HARGA

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TALIAN TELEFON DAN SISTEM PABX DI BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA

NO. SEBUTHARGRA : PAR. 2/367 SH.16/2022

BIL	KETERANGAN	JENAMA	MODEL	HARGA/UNIT (RM)
1	Digital Phone	NEC	DTZ-12DE-3P(BK)TEL	
2	Digital Phone	NEC	DTZ-6DE-3P(BK)TEL	
3	Digital Phone	NEC	DTZ-12D	
4	Digital Phone	NEC	SL2100 AT-40 (WH)	
5	Digital Phone	NEC	IP7WW-12THX-A1 TEL (BK)	
6	Network Switch 24-port			
7	Kad Analog Single Line Interface: CD-8LCA			
8	Kad Digital Station Interface: CD- 16DLCA			
9	Bateri sel kering 12VDC 7AH			
10	Bateri UPS 6KVA			
11	Wifi router			
12	Expansion chasis	NEC	CHS2UG	
13	CPU Main Processor Blade	NEC	GCD-CP10	
14	Trunk card 4 port analogue	NEC	GCD-4COTA	
15	Trunk daughter card 4 port analogue	NEC	GPZ-4COTE	
16	Digital station interface: 16-Port Digital Station Blade	NEC	GCD-16DLCA	
17	8-port single line interfave	NEC	GCD-8LC	
18	8-port SLI daughter board	NEC	GPZ-8LC	
19	Pendawaian untuk mata telefon menggunakan kabel 4/0.63mm PVK I/d soket telefon dan aksesori lain secara pendawaian permukaan di dalam konduit uPVC I/d aksesori yang berkaitan. (rate per meter)			
20	Pendawaian untuk mata telefon menggunakan kabel 4 pair CAT6 23 AWG Solid PVC I/d soket telefon dan aksesori lain secara pendawaian permukaan di dalam konduit uPVC I/d aksesori yang berkaitan. (rate per meter)			

.....
Tandatangan Kontraktor

.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh:.....
Atas Sifat :.....
No. Kad Pengenalan:.....
Alamat :.....
.....

Nama Penuh:.....
Atas Sifat:.....
No. Kad Pengenalan:.....
Alamat :.....
.....

Tarikh :.....

Tarikh :.....

DOKUMEN NO. 8

SKOP PENYELENGGARAAN BERMASA (*QUARTERLY*)

SKOP PENYELENGGARAAN BERMASA (QUARTERLY)

Nota:

- Senarai Jadual Penyelenggaraan ini adalah sebagai panduan kepada Penyebutharga sahaja (minimum guideline) dan tidak terikat sekiranya perlu dilakukan aktiviti yang melebihi daripada apa yang terdapat di dalam Jadual Penyelenggaraan.
- Penyebutharga digalakkan untuk menambahbaik jadual penyelenggaraan ini dan akan diberikan markah tambahan.
- Skop penyelenggaraan bermasa dilaksanakan secara empat (4) kali selama dua belas (12) bulan.

Table 1: Summary of maintenance schedule at Operator Room.

Item	Description of Works	Maintenance Frequency	
		Q	A
	<u>OPERATOR ROOM, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT</u>		
1	Inspect and ensure all PC console working properly	√	
2	update the virus protection software as new software patches for all workstation		√
3	Inspect all workstation for any faults and reset if necessary	√	√
4	replace the new accessories for all PC if necessary.	√	√
5	ensure suite for SV8100 and NEC UC Suite SV9100 for PC console working properly	√	√
6	protect all equipment from dirt and dust.	√	

Table 2: Summary of maintenance schedule at PABX ROOM			
Item	Maintenance Operation	Maintenance	
		Q	A
	<u>PABX ROOM</u>		
1	Inspect for functionality of complete all PABX system components system and replace if faulty.	✓	✓
2	Inspect, service and ensure battery/battery charger working and replace if faulty.	✓	✓
3	Inspect and retighten all connection, terminations and etc.	✓	
4	clean and remove dirt and dust in all equipment rack include extension card for each server.		✓
5	Clean the PABX room.	✓	
6	Check and ensure all swtiches and individual equipment are fully functioning for SV8100 & SV9100	✓	✓
7	Check all power connections to ensure AC pluqs are not loose	✓	

DOKUMEN NO. 9

BORANG SEBUT HARGA & SURAT AKUAN PEMBIDA

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia

DOKUMEN NO. 9
PK 2 Lampiran 2.6**BORANG SEBUT HARGA KERJA**Sebut Harga No. **PAR.2/367 SH.16/2022**

Ketua Pentadbir
Parlimen Malaysia
Bangunan Parlimen
Jalan Parlimen
50680 Kuala Lumpur.

Tuan,

**KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TALIAN TELEFON DAN SISTEM PABX DI
BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA**

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut Harga, Syarat-syarat Sebut Harga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia:-

.....
..... (RM:)

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa tahun dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Pegawai Inden. Bertarikh pada Haribulan 2022.

.....
Tandatangan Kontraktor
Nama Penuh:
No. K/P:
Alamat:
.....
.....
Atas sifat:

.....
Tandatangan Saksi
Nama Penuh:
No. K/P:
Alamat:
.....
.....

.....
Meterai atau Cap Kontraktor

LAMPIRAN 6

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia

PK 1.6 Lampiran 6

SURAT AKUAN PEMBIDA**KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TALIAN TELEFON DAN SISTEM PABX DI BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA – PAR.2/367 SH.16/2022**

Saya, No. Kad Pengenalan Yang mewakili nombor Pendaftaran dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **Parlimen Malaysia** atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses tender/sebut harga atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **Parlimen Malaysia** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 1.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

4. Saya sesungguhnya faham bahawa kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini mematuhi perkara 2 dalam surat akuan ini boleh menyebabkan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini didakwa bagi kesalahan** di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan Kanun Keseksan serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat*** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :.....
 Nama :.....
 No. KP :.....
 Tarikh :.....
 Cop Syarikat :.....

Catatan:

- i (i) * potong mana tidak berkenaan
- ii (ii) ** termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan.
- iii (iii) *** seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- iv (iv) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.

DOKUMEN NO. 10

KETERANGAN MENGENAI PENYEBUTHARGA

KETERANGAN MENGENAI PENYEBUTHARGA

1. Nama Syarikat Penyebutharga :
- 1.1 Alamat Pejabat :
- 1.2 No.Telefon :
- 1.3 No. Pendaftaran Syarikat :
- 1.4 No. Pendaftaran Kementerian Kewangan (sertakan salinan sijil) :
- 1.5 No. Pendafran GST/SST :
- 1.6 Kelas :
- 1.7 Tajuk/Tajuk Kecil :
- 1.8 Jika bertaraf Bumiputera, nyatakan :
 - Tarikh Berkuatkuasa :
 - Tarikh Tamat :
2. Modal Dibenar :
- Modal Berbayar :

3. Ahli-ahli Syarikat :

(i) Ahli-ahli Lembaga Pengarah

NAMA	JAWATAN	SAHAM DIPEGANG

(ii) Ahli-ahli Pengurusan

NAMA	JAWATAN

4. Butiran pengalaman firma/syarikat penyebutharga dalam membekalkan perkhidmatan yang serupa dengan apa yang ditawarkan di dalam pelawaan Sebutharga/Tender kepada Kerajaan dalam tempoh lima (5) tahun yang terakhir.

TAHUN	PENGALAMAN PEMBEKALAN PERKHIDMATAN

- 5. Jika penyebutharga pernah mengikat kontrak dengan mana-mana Jabatan Kerajaan atau Badan-badan Berkanun, nyatakan sama ada Firma/Syarikat kontraktor pernah atau sedang mengalami penggantungan atau penamatan kontrak dengan Kerajaan oleh kerana pelanggaran syarat-syarat Kontrak.

.....
.....
.....
.....
.....

- 6. Lain-lain Keterangan Mengenai Penyebutharga :-

.....
.....
.....
.....
.....

Saya perakui bahawa segala keterangan di atas adalah benar.

Tandatangan :.....

Nama :.....

No. K/P :.....

Jawatan :.....

Tarikh :.....

Cop Firma/
Syarikat :.....

Tandatangan :
Saksi

Nama :
Saksi

No. K/P :.....

Jawatan :.....

Tarikh :.....

Cop Firma/
Syarikat :.....

Nota : Jika didapati keterangan/maklumat di atas adalah tidak benar, pihak Kerajaan berhak menolak/membatalkan tawaran syarikat tuan.

Senarai sekurang-kurangnya Tiga (3) Kerja-Kerja Yang **TELAH** Disiapkan

<u>Nama Projek</u>	<u>Jabatan/Agensi/ Perunding Yang Mengawas Projek</u>	<u>Harga</u>	<u>Tempoh</u>	<u>Tarikh Siap Sebenar</u>

Nota:

- 1. Pihak Penyebutharga perlu mengemukakan bukti salinan surat tawaran kerja dan bukti siap kerja.**
- 2. Sekiranya lampiran tidak mencukupi pihak Penyebutharga boleh menggunakan lampiran tambahan sendiri.**

Senarai Kerja Yang **SEDANG** Disiapkan

Nama Projek	Jabatan/Agensi/ Perunding Yang Mengawas Projek	Harga Kontrak	Tempoh Kontrak	Peratusan Kemajuan	Ulasan Pegawai Yang Menilai sebutharga*

Nota:

- 1. Pihak Penyebutharga perlu mengemukakan bukti salinan surat tawaran kerja.**
- 2. Sekiranya lampiran tidak mencukupi pihak Penyebutharga boleh menggunakan lampiran tambahan sendiri.**

Ahli-ahli Syarikat1. Ahli-ahli Lembaga Pengarah

Nama	Jawatan	Saham Modal Dipegang

2. Ahli-ahli Pengurusan

Nama	Jawatan	Kelulusan Akademik/Iktisas

Saya perakui bahawa segala keterangan di atas adalah benar.

Tandatangan :.....

Nama :.....

No. K/P :.....

Jawatan :.....

Tarikh :.....

Cop Firma/
Syarikat :.....

Tandatangan :

Nama :

No. K/P :

Jawatan :

Tarikh :

Cop Firma/
Syarikat :

Nota : Jika didapati keterangan/maklumat di atas adalah tidak benar, pihak Kerajaan berhak menolak/membatalkan tawaran syarikat tuan.

DRAF PERJANJIAN

**DRAF PERJANJIAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TALIAN TELEFON DAN
SISTEM PABX DI BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA**

No. Perjanjian : **PAR. 2/367 SH. 16/2022/K**

PERJANJIAN ini dibuat pada Haribulan 2022

ANTARA

KERAJAAN MALAYSIA yang bagi maksud Perjanjian ini diwakili oleh **PARLIMEN MALAYSIA** yang beralamat di Parlimen Malaysia, Bangunan Parlimen, Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur (selepas daripada ini dirujuk sebagai "KERAJAAN") bagi satu pihak;

DENGAN

XXXX SDN BHD (No. Syarikat : XXXX) suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan mempunyai pejabat berdaftar di ***XXXXXX*** (selepas daripada ini dirujuk sebagai "**KONTRAKTOR**") bagi pihak yang satu lagi,

(Kedua-dua **KERAJAAN** dan **KONTRAKTOR** boleh dirujuk secara berasingan sebagai "**Pihak**" atau secara bersama sebagai "**Pihak-Pihak**").

BAHAWASANYA -

- (a) **KERAJAAN** berhasrat untuk melantik **KONTRAKTOR** bagi melaksanakan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Talian Telefon Dan Sistem PABX Di Bangunan Parlimen Malaysia; dan
- (b) **KONTRAKTOR** telah bersetuju untuk melaksanakan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Talian Telefon Dan Sistem PABX Di Bangunan Parlimen Malaysia

Bagi Tempoh **Dua Belas (12) Bulan** (kemudian daripada ini disebut sebagai "Perkhidmatan tersebut") tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian ini.

MAKA DENGAN INI ADALAH DIPERSETUJUI SEPERTI YANG BERIKUT:

1. DEFINISI DAN TAFSIRAN

1.1. Definisi

Bagi maksud Perjanjian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki maksud yang lain, perkataan-perkataan di bawah hendaklah mempunyai maksud yang berikut:

"Kerajaan" ertinya Kerajaan Malaysia dan di mana bersesuaian diwakili oleh Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya secara bertulis untuk mentadbirkan pelaksanaan Perjanjian ini;

"Kontraktor" ertinya **XXXXX SDN. BHD.** termasuklah wasi, pentadbir, pemegang serah hak, pengganti dan wakil yang diberi kuasa oleh Kerajaan untuk melaksanakan Perjanjian ini;

"Perkhidmatan" ertinya Kerja-Kerja Penyelenggaraan Talian Telefon Dan Sistem PABX Di Bangunan Parlimen Malaysia Untuk Tempoh Dua Belas (12) Bulan;

“Premis”	bermaksud Bangunan Parlimen Malaysia;
“Bangunan Parlimen Malaysia”	ertinya Blok Elektrikal & Mekanikal, Pejabat Sementara, Blok Menara, Dewan Persidangan, Blok Utama dan Blok Ahli Parlimen & Pentadbiran;

1.2 Tafsiran

Melainkan jika dinyatakan sebaliknya, tafsiran dalam Perjanjian ini adalah seperti yang berikut:

- (a) resital, mukadimah, klausa dan lampiran dan apa-apa dokumen yang dirujuk dalam Perjanjian ini hendaklah diambil kira, dibaca dan ditafsirkan sebagai sebahagian yang penting dalam Perjanjian ini;
- (b) sebarang rujukan kepada resital-resital, mukadimah, klausa-klausa dan lampiran-lampiran dalam Perjanjian ini adalah ditafsirkan sebagai rujukan kepada resital-resital, mukadimah, klausa-klausa dan lampiran-lampiran dalam Perjanjian ini melainkan jika dinyatakan sebaliknya;
- (c) perkataan-perkataan yang membawa maksud satu adalah juga merujuk kepada jumlah majmuk dan juga sebaliknya;
- (d) rujukan kepada undang-undang adalah termasuk undang-undang yang telah dipinda, disemak atau dicetak semula;
- (e) perkataan-perkataan yang merujuk kepada orang perseorangan adalah juga merujuk kepada kumpulan perseorangan, syarikat, perbadanan, firma atau rakan kongsi sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan;
- (f) tajuk-tajuk dan juga tajuk-tajuk kecil kepada klausa-klausa di dalam Perjanjian ini adalah hanya untuk mempermudah rujukan sahaja dan tidak menjejaskan pentafsiran dan maksud ayat di dalam Perjanjian ini;

- (g) sekiranya rujukan berkaitan dengan tempoh masa bagi sesuatu perbuatan yang hendak dilakukan atau sesuatu persetujuan dicapai atau kebenaran diberikan, rujukan tersebut hendaklah dianggap dibaca bersama ungkapan tersebut atau “mana-mana tempoh yang dipersetujui secara bertulis antara pihak-pihak di dalam Perjanjian ini dari semasa ke semasa”;
- (h) apa-apa terma teknikal yang tidak ditakrifkan secara khusus di dalam Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan menurut penggunaan atau definisi yang biasa diterima oleh mereka yang terlibat di dalam profesion ini di Malaysia; dan
- (i) apa-apa rujukan kepada “kelulusan” atau “kebenaran” adalah bermaksud kelulusan atau kebenaran secara bertulis.

2. SKOP PERKHIDMATAN

Kontraktor bersetuju untuk melaksanakan Perkhidmatan dan **KERAJAAN** bersetuju menerima Perkhidmatan tersebut mengikut terma dan syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini.

3. TARIKH KUAT KUASA DAN TEMPOH PERJANJIAN

- 3.1. Perjanjian ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada **XXXXXX HINGGA XXXXX (“Tempoh Perjanjian”)**.
- 3.2. Kontraktor boleh memohon kepada **KERAJAAN** untuk melanjutkan Perjanjian ini secara bertulis tidak kurang daripada dua (2) bulan sebelum Tempoh Perjanjian tamat jika Kontraktor berniat untuk melanjutkan Tempoh Perjanjian. **KERAJAAN** mempunyai budi bicara yang mutlak sama ada untuk mempertimbangkan permohonan itu atau sebaliknya.

- 3.3. Sekiranya **KERAJAAN** bersetuju untuk melanjutkan Tempoh Perjanjian, Pihak-Pihak hendaklah berunding dan memuktamadkan terma dan syarat perlanjutan tersebut tidak kurang dari satu (1) bulan sebelum Tempoh Perjanjian tamat.
- 3.4. Sekiranya Pihak-Pihak gagal mencapai persetujuan mengenai terma-terma dan syarat-syarat perlanjutan tersebut, Perjanjian akan dengan sendirinya tamat selepas tamat Tempoh Perjanjian.

4. NILAI PERJANJIAN

- 4.1 Nilai Perjanjian ini adalah sebanyak **Ringgit Malaysia XXXXX Sahaja (RMXXXXX)** (kemudian daripada ini disebut sebagai "Nilai Perjanjian") sebagai balasan kepada Perkhidmatan yang diberikan oleh **KONTRAKTOR**.
- 4.2 Nilai Perjanjian yang dinyatakan dalam Klausula 4.1 adalah tetap dan apa-apa permohonan bagi tujuan kenaikan harga atau lain-lain tuntutan oleh **KONTRAKTOR** tidak akan dibenarkan melainkan dipersetujui sebaliknya oleh **KERAJAAN** melalui pindaan kepada Perjanjian ini.
- 4.3 Nilai Perjanjian hendaklah termasuk segala kos penghantaran bagi maksud melaksanakan Perkhidmatan, sekiranya berkaitan.

5. BON PELAKSANAAN

- 5.1 Bon Pelaksanaan dalam bentuk jaminan bank tidak boleh batal bernilai **Ringgit Malaysia XXXX Sahaja (RMXXXXXX)** yang bersamaan dengan lima peratus (5%) daripada Nilai Perjanjian ("Bon Pelaksanaan") setahun yang diserahkan oleh **KONTRAKTOR** sebagai jaminan kepada pelaksanaan obligasi-obligasi **KONTRAKTOR** di bawah Perjanjian ini adalah sebagaimana ditetapkan dalam **Lampiran XXX** kepada Perjanjian ini.

- 5.2 Bon Pelaksanaan tersebut hendaklah kekal sah lakunya sehingga dua puluh empat (24) bulan selepas tamat Perjanjian iaitu pada XX Disember XXXX.
- 5.3 **KERAJAAN** berhak pada bila-bila masa untuk membuat tuntutan terhadap keseluruhan atau sebahagian daripada Bon Pelaksanaan berhubung dengan apa-apa pelanggaran terma atau syarat yang diperuntukkan dalam Perjanjian ini oleh **KONTRAKTOR** tanpa menjejaskan hak **KERAJAAN** untuk mengambil tindakan undang-undang yang lain.
- 5.4 Sekiranya tuntutan dibuat oleh Kerajaan ke atas Bon Pelaksanaan tersebut yang menyebabkan jumlah jaminan bank tersebut berkurangan daripada jumlah yang dinyatakan dalam klausa 5.1, **KONTRAKTOR** hendaklah mengemukakan suatu Bon Pelaksanaan tambahan supaya nilai Bon Pelaksanaan yang dipegang oleh **KERAJAAN** bersamaan dengan nilai lima peratus (5%) daripada Nilai Perjanjian.
- 5.5 Bon Pelaksanaan akan dikembalikan kepada Kontraktor setelah tamat tempoh penguatkuasaan Bon Pelaksanaan ini.

6. PEMBAYARAN

- 6.1 Tertakluk kepada pematuhan **KONTRAKTOR** terhadap terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini, **KERAJAAN** hendaklah membuat pembayaran kepada **KONTRAKTOR** mengikut Perkhidmatan yang diterima pada setiap kali Perkhidmatan dilaksanakan dan berdasarkan Jadual Kadar Harga dan Jadual Pembayaran seperti yang diperincikan dalam **Lampiran XXX** kepada Perjanjian ini.
- 6.2 Pembayaran menurut Klausa 6.1 hendaklah dibuat oleh **KERAJAAN** kepada **KONTRAKTOR** dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan invoice serta dokumen lengkap daripada **KONTRAKTOR**

tertakluk kepada **KERAJAAN** telah berpuas hati dengan pelaksanaan Perkhidmatan oleh **KONTRAKTOR**.

- 6.3 Pembayaran kepada **KONTRAKTOR** hendaklah tidak dianggap sebagai perakuan bahawa Perkhidmatan tersebut adalah mengikut kualiti yang dikehendaki oleh **KERAJAAN**. Apa-apa bayaran yang dibuat **KERAJAAN** tidak melepaskan **KONTRAKTOR** daripada melaksanakan obligasi yang diperuntukan dalam Perjanjian ini.
- 6.4 Bagi maksud pembayaran, **KONTRAKTOR** hendaklah mengemukakan invois lengkap bersama dokumen yang berkaitan **KONTRAKTOR** kepada:

Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia
Seksyen Kewangan dan Akaun

Parlimen Malaysia

Bangunan Parlimen

Jalan Parlimen

50680 KUALA LUMPUR.

- 6.5 Invois hendaklah disahkan oleh Pegawai di Bahagian/Seksyen/Unit yang berkaitan setelah berpuas hati dengan Perkhidmatan yang dibekalkan oleh **KONTRAKTOR** memenuhi kehendak Perjanjian ini.
- 6.6 Pembayaran akan dibuat oleh **KERAJAAN** kepada **KONTRAKTOR** secara elektronik dan fi perkhidmatan yang dikenakan kepada **KONTRAKTOR** adalah sebanyak kosong perpuuluh empat peratus (0.4%) dengan had maksimum Ringgit Malaysia Empat Ribu dan Lapan Ratus (RM4,800.00) bagi setiap nilai invois yang dikemukakan kepada **KERAJAAN**.

- 6.7 Bagi maksud pengenaan fi perkhidmatan di bawah klausa 6.6, **KERAJAAN** berhak memotong terus daripada jumlah pembayaran yang akan dibuat kepada **KONTRAKTOR**.
- 6.8 Tanpa menafikan hak-hak **KERAJAAN** yang lain dalam Perjanjian ini, sekiranya pihak **KONTRAKTOR** melanggar apa-apa terma atau syarat dalam Perjanjian ini, pihak **KERAJAAN** berhak memotong Nilai Perjanjian yang ditetapkan kepada **KONTRAKTOR**.
- 6.9 Jadual Pembayaran adalah seperti di **Lampiran XXXX** kepada Perjanjian ini.

7. REPRESENTASI DAN WARANTI

- 7.1 **KONTRAKTOR** dengan ini membuat representasi dan waranti kepada **KERAJAAN** bahawa –
- (a) ia adalah **KONTRAKTOR** berdaftar di bawah undang-undang Malaysia;
 - (b) ia mempunyai kuasa untuk membuat dan melaksanakan tanggungjawab serta urusan di bawah Perjanjian ini;
 - (c) ia telah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memasuki dan melaksanakan tanggungjawab serta urusan di bawah Perjanjian ini;
 - (d) pada bila-bila masa pelaksanaan Perjanjian ini, pelaksanaan Perjanjian ini tidak menyalahi mana-mana peruntukan sama ada –
 - (i) Memorandum dan Artikel Persatuannya; atau
 - (ii) mana-mana dokumen atau perjanjian yang mengikatnya atau asetnya;
 - (e) ia adalah suatu **KONTRAKTOR** yang berdaftar pada setiap masa dengan Kementerian Kewangan melainkan diberikan pengecualian secara bertulis oleh **KERAJAAN**;

- (f) tiada apa-apa litigasi, tuntutan cukai, timbang tara, pertikaian atau prosiding yang sedang atau telah berlangsung yang pada pengetahuannya akan memberi kesan negatif terhadap keupayaan kewangan atau obligasinya di bawah Perjanjian ini;
- (g) tiada sebarang perbuatan rasuah, aktiviti haram atau menyalahi undang-undang telah digunakan untuk mendapatkan hak untuk melaksanakan Perjanjian ini,

dan **KONTRAKTOR** mengambil maklum bahawa **KERAJAAN** telah membuat Perjanjian ini berdasarkan representasi dan waranti di atas.

- 7.2 **KONTRAKTOR** selanjutnya membuat representasi dan waranti kepada **KERAJAAN** bahawa representasi dan waranti yang dinyatakan di Klausula 7.1 di atas hendaklah kekal benar dan tepat dalam semua aspek material sepanjang Tempoh Perjanjian kecuali Klausula 7.1 (f).

8. WAAD KONTRAKTOR

KONTRAKTOR hendaklah –

- (a) melaksanakan Perkhidmatan tersebut dan obligasinya di bawah Perjanjian;
- (b) melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik berdasarkan amalan pengurusan yang baik, mengutamakan kepentingan **KERAJAAN** dan hendaklah mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa;
- (c) melaksanakan Perkhidmatan tersebut dengan mengambil semua langkah yang diperlukan oleh seseorang **KONTRAKTOR** yang memberikan perkhidmatan yang sama bagi memastikan Perkhidmatan tersebut mematuhi semua kehendak di bawah Perjanjian ini;

- (d) melaksanakan Perkhidmatan tersebut dan menjalankan obligasinya sebagaimana yang terkandung dalam Perjanjian ini dengan menggunakan kemahiran, kepakaran serta teliti dalam menyempurnakan obligasinya. Dalam melaksanakan Perkhidmatan tersebut, **KONTRAKTOR** hendaklah menyenaraikan semua perkhidmatan yang diperlukan, kemudahan dan kakitangan sebagaimana yang dinyatakan dalam Perjanjian ini. **KONTRAKTOR** juga hendaklah menyediakan prosedur dalam bentuk yang dipersetujui oleh **KERAJAAN** bagi maksud melapor dan menyelaras;
- (e) pada setiap masa melaksanakan Perkhidmatan tersebut dalam apa-apa cara yang akan sentiasa menjaga dan melindungi kepentingan **KERAJAAN** dan mengambil langkah yang perlu dan yang bersesuaian untuk tidak menyalahgunakan atau membazir kemudahan yang diberikan, sekiranya ada, yang diberikan oleh **KERAJAAN** kepada **KONTRAKTOR**;
- (f) memaklumkan kepada **KERAJAAN** secepat mungkin secara bertulis jika terdapat apa-apa faktor atau keadaan yang boleh mempengaruhi Perkhidmatan tersebut. Makluman tersebut tidak akan dianggap sebagai suatu pelepasan terhadap apa-apa obligasi **KONTRAKTOR** di bawah Perjanjian ini;
- (g) menyediakan dan memastikan bilangan dan kategori kakitangan yang berkecukupan dan mahir secukupnya sepanjang Tempoh Perjanjian;
- (h) hendaklah menyediakan dengan kos sendiri dan memberikan segala kelengkapan dan bahan yang diperlukan bagi melaksanakan Perkhidmatan tersebut secara efektif dan baik;
- (i) hendaklah menyelenggara inventori yang baik bagi kemudahan, kelengkapan dan apa-apa aset yang disediakan oleh **KERAJAAN** dan **KERAJAAN** hendaklah mempunyai hak untuk menjalankan audit kepada inventori tersebut dari semasa ke semasa;

- (j) hendaklah dengan kos sendiri menyediakan kakitangan pakar, perunding atau ejen yang diberi kuasa bagi maksud menjalankan dan melaksanakan Perkhidmatan tersebut;
- (k) memberi arahan dan menyelia semua pekerjaanya yang melaksanakan Perkhidmatan tersebut dan memantau penyediaan spesifikasi Perkhidmatan tersebut ketika Perkhidmatan tersebut dilaksanakan dan juga selepas Perkhidmatan tersebut dilaksanakan;
- (l) apabila diminta oleh **KERAJAAN**, memeriksa dan mengemukakan data yang berkaitan bagi maksud perubahan atau penambahan dalam Perjanjian ini; dan
- (m) memastikan rekod yang berkaitan dengan Perkhidmatan tersebut diselenggara dengan baik pada setiap masa dan rekod tersebut hendaklah pada bila-bila masa yang munasabah tersedia bagi maksud pemeriksaan oleh pegawai yang diberi kuasa atau juruaudit yang diberi kuasa oleh **KERAJAAN**.

9. WAAD KERAJAAN

KERAJAAN dengan ini bersetuju dengan **KONTRAKTOR** seperti yang berikut:

- (a) tertakluk kepada pematuhan **KONTRAKTOR** terhadap terma dan syarat Perjanjian ini, membuat bayaran bagi Perkhidmatan yang dilaksanakan sepertimana yang diperuntukkan dalam Klausula 6 Perjanjian ini; dan
- (b) membenarkan **KONTRAKTOR** atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh **KONTRAKTOR**, pada setiap masa yang sesuai memasuki premis yang ditetapkan oleh **KERAJAAN** bagi melaksanakan obligasinya di bawah Perjanjian ini **DENGAN SYARAT SENTIASA KONTRAKTOR** dan/atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh **KONTRAKTOR** hendaklah mematuhi apa-apa syarat keselamatan yang dikenakan oleh **KERAJAAN**.

10. PENAMATAN PERJANJIAN

10.1 Jika **KONTRAKTOR** –

- (a) gagal untuk mematuhi atau melaksanakan mana-mana terma atau syarat-syarat dalam Perjanjian ini;
- (b) gagal untuk melaksanakan Perkhidmatan dengan sempurna dan memuaskan; atau
- (c) menggantung pelaksanaan mana-mana bahagian atau keseluruhan Perkhidmatan tanpa alasan munasabah;

maka **KERAJAAN** berhak untuk memberikan notis secara bertulis kepada **KONTRAKTOR** (kemudian daripada ini disebut sebagai "Notis Kemungkiran") menyatakan kemungkiran yang berlaku dan menghendaki **KONTRAKTOR** untuk meremedikan kemungkiran tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam Notis Kemungkiran tersebut (kemudian daripada ini disebut sebagai "Tempoh Remedi").

10.2 Jika **KONTRAKTOR** gagal untuk mengambil tindakan untuk meremedikan kemungkiran tersebut dalam Tempoh Remedi atau mana-mana tempoh lain yang dipersetujui oleh **KERAJAAN**, maka **KERAJAAN** boleh menamatkan Perjanjian ini dengan serta-merta dengan memberikan notis bertulis kepada **KONTRAKTOR** (kemudian daripada ini disebut sebagai "Notis Penamatan").

10.3 **KERAJAAN** berhak menamatkan Perjanjian secara serta-merta dengan memberikan notis bertulis bagi maksud tersebut kepada **KONTRAKTOR** sekiranya –

- (a) sesuatu perintah penerimaan atau pentadbiran dibuat terhadap **KONTRAKTOR** atau **KONTRAKTOR** membuat

suatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah pemiutang;

- (b) **KONTRAKTOR** meluluskan suatu ketetapan atau Mahkamah membuat suatu perintah bahawa **KONTRAKTOR** digulung (bukan penggulungan ahli bagi maksud penyusunan atau penyatuan) atau jika seseorang penerima atau pengurus bagi pihak pemiutang dilantik atau jika timbul keadaan yang memberi hak kepada Mahkamah membuat suatu perintah penggulungan; atau
- (c) tindakan diambil ke atas sebahagian besar daripada aset **KONTRAKTOR**, kecuali suatu prosiding telah dimulakan untuk mengenenpikan tindakan tersebut.

10.4 Jika **KERAJAAN** menamatkan Perjanjian ini menurut subklausula 10.2 atau subklausula 10.3, maka –

- (a) semua kuasa dan hak yang diberikan kepada **KONTRAKTOR** dan obligasi di bawah Perjanjian ini hendaklah tamat dengan serta-merta; dan
- (b) **KERAJAAN** berhak menuntut daripada **KONTRAKTOR** ganti rugi, kerugian kos dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh **KERAJAAN** akibat penamatan Perjanjian ini.

10.5 Penamatan perjanjian oleh **KERAJAAN** tidak akan menyentuh hak-hak lain **KERAJAAN** yang sedia terakru di bawah Perjanjian ini.

10.6 Walau apa pun peruntukan di bawah subklausula 10.1 Perjanjian ini, **KERAJAAN** boleh menamatkan Perjanjian ini lebih awal daripada

tempoh Perjanjian dengan memberi notis empat belas (14) hari di atas sebarang sebab sekalipun.

- 10.7 Jika Perjanjian ini ditamatkan mengikut subklausu 10.6 maka kesan-kesan penamatan mengikut subklausu 10.4 adalah terpakai.
- 10.8 Jika **KERAJAAN** melakukan pelanggaran terhadap mana-mana terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini, **KONTRAKTOR** boleh memberikan notis secara bertulis yang memaklumkan keingkaran tersebut kepada **KERAJAAN** dan meminta **KERAJAAN** meremedikan kemungkiran yang berlaku dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas tarikh penerimaan notis.
- 10.9 Jika **KERAJAAN** gagal meremedikan kemungkiran berkaitan dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas tarikh penerimaan notis yang dihantar oleh **KONTRAKTOR** di bawah subklausu 10.8, **KONTRAKTOR** boleh memberikan notis secara bertulis yang memaklumkan keingkaran tersebut kepada **KERAJAAN** dan meminta **KERAJAAN** meremedikan kemungkiran yang berlaku dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas tarikh penerimaan notis atau mana-mana tempoh yang dipersetujui oleh Pihak-Pihak. Jika **KERAJAAN** gagal untuk meremedikan kemungkiran dalam tempoh yang ditetapkan atau tempoh lain yang dipersetujui oleh Pihak-Pihak, maka **KONTRAKTOR** boleh menamatkan Perjanjian ini dengan memberikan notis bertulis kepada **KERAJAAN**.
- 10.10 Sekiranya Perjanjian ini ditamatkan mengikut subklausu 10.9, maka –
- (a) **KONTRAKTOR** hendaklah mengemukakan kepada **KERAJAAN** laporan terperinci berhubung dengan bayaran Perkhidmatan yang tertunggak daripada **KERAJAAN** (sekiranya ada); dan

- (b) tertakluk kepada apa-apa tolakan yang dibenarkan di bawah Klausa 16 Perjanjian ini, **KERAJAAN** hendaklah membayar kepada **KONTRAKTOR** apa-apa bayaran Perkhidmatan yang tertunggak (sekiranya ada).

11. PENAMATAN ATAS KEPENTINGAN NEGARA, KESELAMATAN NEGARA DASAR KERAJAAN ATAU DASAR AWAM

- 11.1 Tanpa menyentuh mana-mana peruntukan di bawah Perjanjian ini, **KERAJAAN** boleh menamatkan Perjanjian ini dengan memberikan tiga puluh (30) hari notis tanpa memberikan sebab-sebab sekiranya berpendapat bahawa penamatan perlu dibuat demi kepentingan negara, keselamatan negara atau untuk tujuan dasar **KERAJAAN** atau dasar awam.
- 11.2 Bagi maksud Fasal ini, penentuan "kepentingan negara", "keselamatan negara", "dasar **KERAJAAN**" atau "dasar awam" hendaklah ditentukan oleh **KERAJAAN**. Penentuan tersebut hendaklah bagi apa-apa tujuan dan niat adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.
- 11.3 Dengan penamatan di bawah subklausa 11.1, kesan-kesan penamatan Perjanjian mengikut subklausa 10.4 adalah terpakai.
- 11.4 Bagi mengelakkan keraguan, Pihak-Pihak dengan ini bersetuju bahawa **KONTRAKTOR** tidak berhak ke atas apa-apa bentuk kerugian lain termasuklah kehilangan keuntungan, ganti rugi, tuntutan atau apa-apapun berikutan daripada penamatan Perjanjian ini.

12. PENAMATAN AKIBAT RASUAH, AKTIVITI HARAM ATAU YANG MENYALAHKAN UNDANG-UNDANG

- 12.1 Tanpa prejudis kepada apa-apa hak lain **KERAJAAN**, jika **KONTRAKTOR**, personel, kakitangan, pengkhidmat atau pekerjanya disabitkan oleh mahkamah atas perbuatan rasuah atau aktiviti haram atau menyalahi undang-undang yang berkaitan dengan Perjanjian ini atau mana-mana perjanjian lain antara **KONTRAKTOR** dengan **KERAJAAN**, maka **KERAJAAN** berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa, dengan memberi notis bertulis mengenai penamatan tersebut yang berkuat kuasa secara serta-merta.
- 12.2 Apabila Perjanjian ini ditamatkan menurut subklausu 12.1, **KERAJAAN** berhak mendapat semula semua kerugian, kos, ganti rugi dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh **KERAJAAN** berikutan daripada penamatan Perjanjian ini dan kesan-kesan penamatan Perjanjian mengikut subklausu 10.4 adalah terpakai.
- 12.3 Bagi mengelakkan keraguan, Pihak-Pihak dengan ini bersetuju bahawa **KONTRAKTOR** tidak berhak ke atas apa-apa bentuk kerugian lain termasuklah kehilangan keuntungan, ganti rugi, tuntutan atau apa-apapun berikutan daripada penamatan Perjanjian ini.

13. HAK KERAJAAN MENDAPATKAN KHIDMAT PIHAK KETIGA

- 13.1 **KERAJAAN** berhak untuk melantik mana-mana pihak ketiga untuk memberikan Perkhidmatan tersebut di bawah Perjanjian ini sekiranya **KONTRAKTOR** gagal atau enggan untuk memberikan Perkhidmatan tersebut atau sebahagian daripadanya menurut Perjanjian ini dan semua kos yang telah dibayar oleh Kerajaan kepada pihak ketiga itu hendaklah ditolak dari kos yang sepatutnya dibayar kepada **KONTRAKTOR**.

- 13.2 Sekiranya kos yang perlu dibayar oleh **KERAJAAN** bagi Perkhidmatan tersebut atau sebahagian daripadanya kepada pihak ketiga tersebut melebihi jumlah bayaran yang diperuntukkan dalam Perjanjian ini, maka **KERAJAAN** mempunyai hak untuk menuntut jumlah tersebut daripada **KONTRAKTOR**.

14. **FORCE MAJEURE**

- 14.1 **KONTRAKTOR** dan **KERAJAAN** adalah tidak bertanggungjawab bagi sebarang ketinggalan atau kegagalan dalam melaksanakan obligasi di bawah Perjanjian ini, jika ketinggalan atau kegagalan itu timbul daripada keadaan-keadaan *Force Majeure*. Dalam keadaan ini, yang menyebabkan mana-mana Pihak tidak dapat menyempurnakan Perjanjian ini, Perjanjian ini boleh ditamatkan dengan persetujuan Pihak-Pihak tanpa apa-apa pampasan. Kejadian *Force Majeure* hendaklah bermaksud-

- (a) peperangan (sama ada ia diisytiharkan atau tidak), pertempuran, penaklukan atau tindakan oleh musuh-musuh asing;
- (b) pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa, perang saudara atau tindakan pengganas;
- (c) bencana alam termasuk, tetapi tidak terhad kepada gempa bumi, banjir, kebakaran spontan bawah tanah, ombak besar atau apa-apa bencana alam yang secara munasabah nya seseorang yang berpengalaman tidak dijangka dapat mengambil langkah berjaga-jaga;
- (d) letupan nuklear, pencemaran radioaktif atau bahan kimia atau radiasi;

- (e) tekanan gelombang yang disebabkan oleh kapal terbang atau apa-apa peranti aerial yang bergerak dalam kelajuan sonik atau supersonik;
- (f) rusuhan, kekecohan atau kekacauan awam; atau
- (g) sebab-sebab atau bahaya-bahaya yang lain yang di luar kawalan mana-mana Pihak.

Tertakluk bahawa kejadian *Force Majeure* tidak termasuk kegawatan ekonomi atau ketidakupayaan **KONTRAKTOR** mendapatkan pembiayaan bagi maksud melaksanakan obligasi-obligasi **KONTRAKTOR** di bawah Perjanjian ini.

- 14.2 Jika berlaku sesuatu kejadian *Force Majeure* yang menyebabkan mana-mana Pihak tidak dapat melaksanakan apa-apa obligasinya di bawah Perjanjian ini (atau mana-mana bahagian daripadanya) yang terjejas akibat daripada kejadian *Force Majeure* tersebut, Pihak tersebut hendaklah dengan serta-merta memaklumkan akan kejadian *Force Majeure* tersebut kepada Pihak yang satu lagi dan diikuti dengan butir-butir terperinci mengenai kejadian *Force Majeure* dan kesannya terhadap pelaksanaan Perjanjian ini.
- 14.3 Mana-mana Pihak tidak boleh menggunakan mana-mana peruntukan dalam klausa ini jika Pihak-Pihak telah memutuskan secara munasabah bahawa satu kejadian *Force Majeure* tidak berlaku.
- 14.4 **KONTRAKTOR** hendaklah membuktikan bahawa kejadian *Force Majeure* betul-betul berlaku sebelum **KONTRAKTOR** dapat melepaskan obligasinya mengikut klausa 14.1.

- 14.5 Jika Perjanjian ini ditamatkan di bawah klausa 14, semua hak dan obligasi Pihak-Pihak di bawah Perjanjian ini hendaklah terhenti dan mana-mana Pihak tidak boleh membuat apa-apa tuntutan terhadap Pihak yang satu lagi dan masing-masing tidak bertanggung terhadap satu sama lain melainkan berkaitan apa-apa hak dan liabiliti yang terakru sebelum berlakunya kejadian *Force Majeure* tersebut.
- 14.6 Bagi mengelakkan apa-apa keraguan, Pihak-Pihak kepada Perjanjian ini hendaklah terus melaksanakan obligasi masing-masing di bawah Perjanjian ini yang tidak terjejas, tertangguh atau terganggu oleh kejadian *Force Majeure* dan obligasi berkenaan hendaklah terus berkuat kuasa sementara menunggu pelaksanaan peruntukan klausa ini.

15. PEMERIKSAAN OLEH KERAJAAN

KONTRAKTOR hendaklah membenarkan **KERAJAAN** atau mana-mana pihak yang diberi kuasa oleh **KERAJAAN** pada bila-bila masa menjalankan pemeriksaan bagi mengenal pasti tahap pencapaian **KONTRAKTOR** dalam melaksanakan Perkhidmatan tersebut dan apabila perlu, hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang diberikan oleh **KERAJAAN** bagi maksud Perjanjian ini.

16. TOLAKAN (*SET-OFF*)

- 16.1 **KERAJAAN** berhak memotong apa-apa wang yang kena dibayar kepada **KONTRAKTOR** mengikut peruntukan dalam Perjanjian ini dan daripada mana-mana Perjanjian yang ditandatangani oleh **KONTRAKTOR** dengan **KERAJAAN** daripada apa-apa wang yang **KONTRAKTOR** terhutang kepada **KERAJAAN** tidak mencukupi bagi menampung tuntutan **KERAJAAN**, **KERAJAAN** boleh menuntut secara bertulis baki wang tersebut daripada

KONTRAKTOR dan **KONTRAKTOR** hendaklah membuat pembayaran selewat-lewatnya tiga puluh (30) hari selepas menerima tuntutan bertulis itu.

- 16.2 Sekiranya **KONTRAKTOR** gagal membuat pembayaran selepas tamat tempoh seperti yang dinyatakan dalam Klausa 16.1 di atas atau apa-apa tempoh lain yang diberikan oleh **KERAJAAN**, maka **KERAJAAN** boleh mengambil apa-apa tindakan undang-undang pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu kepada **KONTRAKTOR**.

17. GANTI RUGI YANG DITETAPKAN (*LIQUIDATED ASCERTAINED DAMAGES* (LAD))

- 17.1 Ganti rugi yang ditetapkan (*Liquidated Ascertained Damages*)

KONTRAKTOR hendaklah memastikan kerja-kerja dilaksanakan mengikut tempoh yang dijadualkan dan ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran F** kepada Perjanjian ini. Sebarang kelewatan bagi setiap kerja akan direkodkan. **KERAJAAN** berhak menentukan tarikh penyerahan Perkhidmatan. **KONTRAKTOR** hendaklah menyiapkan Perkhidmatan dalam tempoh tersebut dan membuat penyerahan mengikut tarikh yang telah ditetapkan. Sekiranya **KONTRAKTOR** gagal menyerahkan Perkhidmatan mengikut tarikh penyerahan yang ditetapkan seperti **Lampiran F** kepada Perjanjian ini, **KERAJAAN** boleh mengenakan denda kelewatan.

- 17.2 Jumlah

Jika **KONTRAKTOR** gagal menyerahkan Perkhidmatan mengikut tarikh penyerahan yang ditetapkan, **KERAJAAN** boleh

mengenakan denda kelewatan bermula dari tarikh penyerahan yang ditetapkan oleh **KERAJAAN** dengan menggunakan Formula Pengiraan *Liquidated Ascertained Damages* seperti berikut dan mengikut kadar yang dinyatakan di **Lampiran XXX** kepada Perjanjian ini:

$\frac{\text{PR}}{365} \times \text{Nilai Kontrak}$

365 hari

Kadar pengiraan sehari

$$\frac{(\text{XXX}\%)}{365} \times (\text{RMXXXXXX}) = \text{RMXXXX} \text{ sehari}$$

*BLR XXX% berdasarkan kadar CIMB Islamic Bank Berhad yang berkuat kuasa XX Ogos 20XX.

17.3 Kesan Obligasi

Tertakluk kepada **Klausula 17.1** dan **Klausula 17.2**, pembayaran ganti rugi yang ditetapkan (*Liquidated Ascertained Damages*) hendaklah menjadi penyelesaian penuh liabiliti **KONTRAKTOR** bagi tempoh kelewatan tersebut tetapi pembayaran tersebut hendaklah tidak melepaskan **KONTRAKTOR** daripada obligasinya untuk memastikan bahawa peringkat kerja yang berkenaan siap untuk mentauliah atau daripada apa-apa liabiliti lain atau obligasi di bawah Perjanjian ini.

17.4 Hak Penamatan

Jika kerja akhir tidak dapat disediakan untuk mentauliah dalam masa tiga (3) bulan selepas tarikh yang sepatutnya, **KERAJAAN** mempunyai hak untuk menamatkan Perjanjian ini dengan segera dengan memberi notis secara bertulis kepada **KONTRAKTOR**, dan

dalam hal sedemikian **Klausu 10** hendaklah terpakai. Penamatan tersebut hendaklah tidak menjejaskan hak **KERAJAAN** kepada pembayaran di bawah **Klausu 6** atau apa-apa hak lain **KERAJAAN** yang ada atas apa-apa kemungkiran obligasi pada bahagian **KONTRAKTOR**, yang telah sedia terakru sebelum penamatan.

18. PENYEDIAAN MAKLUMAT

- 18.1 **KONTRAKTOR** dikehendaki menyediakan kepada **KERAJAAN** apa-apa maklumat berhubung dengan Perkhidmatan, Pemasangan Elektrik, perkakasan dan perisian yang dibekalkan di bawah Perjanjian ini apabila diperlukan oleh **KERAJAAN**.
- 18.2 Dalam tempoh kuat kuasa Perjanjian, **KONTRAKTOR** dikehendaki menyediakan maklumat mutakhir ke atas sebarang modifikasi atau perubahan bentuk yang telah dibuat kepada Perkhidmatan,
- 18.3 Pemasangan Elektrik, perkakasan dan Perisian tersebut.

19. PEMAJAKAN DAN KONTRAK KECIL

- 19.1 **KONTRAKTOR** tidak boleh membuat atau memberikan kontrak kecil terhadap Perjanjian ini atau mana-mana bahagiannya kepada mana-mana pihak lain tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada **KERAJAAN**.
- 19.2 Sebarang penyerahhakkan, pemindahan atau pemberian kontrak kecil mana-mana bahagian atau keseluruhan Perjanjian dengan kelulusan bertulis daripada **KERAJAAN** tidak akan melepaskan **KONTRAKTOR** daripada terus bertanggungjawab terhadap **KERAJAAN** berkenaan Perjanjian ini dan memastikan penerima

serah hak, pindahan atau kontrak kecil tersebut mematuhi semua syarat dan terma Perjanjian ini.

20. TANGGUNG RUGI

20.1 **KONTRAKTOR** hendaklah menanggung rugi **KERAJAAN** daripada dan terhadap terhadap segala tindakan, prosiding, kehilangan, kerugian, ganti rugi, pampasan, kos (termasuk kos undang-undang), caj dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh atau dikenakan ke atas **KERAJAAN** bagi atau akibat –

(a) yang timbul daripada pelanggaran surat jaminan hak atau reka bentuk berdaftar (yang disiarkan pada tarikh Perjanjian ini) kerana menggunakan mana-mana peralatan atau bahan mentah yang dibekalkan oleh **KONTRAKTOR** di bawah Perjanjian ini; atau

(b) yang langsung atau tidak langsung daripada pelanggaran apa-apa syarat Perjanjian ini oleh **KONTRAKTOR**, ejen atau pekerjanya semasa melaksanakan Perjanjian ini.

20.2 **KERAJAAN** hendaklah memberi notis kepada **KONTRAKTOR** mengenai apa-apa tindakan yang diambil oleh pihak ketiga terhadap **KERAJAAN** dan **KONTRAKTOR** hendaklah -

(a) diberi pilihan untuk menjawab tuntutan tersebut termasuk pilihan untuk membuat rundingan bagi suatu penyelesaian sebelum perkara tersebut dibawa ke mahkamah; dan

(b) menggantikan peralatan atau bahan mentah yang berkaitan dan hendaklah memberi pampasan kepada **KERAJAAN** dalam masa penggantian tersebut.

- 20.3 Tanggung rugi yang diperuntukkan dalam Klausula ini hendaklah terus wujud selepas penamatan atau peluputan Perjanjian ini.

21. PENYELESAIAN PERTIKAIAN

- 21.1 Apa-apa perkara, pertikaian atau tuntutan yang terbit akibat daripada pelaksanaan atau penggunaan peruntukan-peruntukan dalam Perjanjian ini atau hak, tanggungan Pihak-Pihak dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit daripadanya atau yang berhubung dengannya kecuali selainnya dipersetujui dengan tertentu secara bertulis antara Pihak-Pihak hendaklah diselesaikan secara baik atau aman.

- 21.2 Jika perkara, pertikaian atau tuntutan yang dinyatakan dalam Klausula 21.1 tidak dapat diselesaikan secara baik atau aman, ia hendaklah dirujuk untuk pertimbangan Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian (kemudian daripada ini disebut sebagai "Jawatankuasa") yang dianggotai oleh –

(a) Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia sebagai Pengerusi atau wakil yang dilantik olehnya;

(b) dua (2) orang wakil yang dilantik oleh **KERAJAAN** sebagai anggota; dan

(c) dua (2) orang wakil **KONTRAKTOR** sebagai anggota.

- 21.3 Jawatankuasa boleh membuat prosedur dan peraturannya sendiri mengenai perjalanan prosiding penyelesaian perkara, pertikaian atau tuntutan antara Pihak-Pihak dan keputusan Jawatankuasa adalah muktamad dan mengikat Pihak-Pihak kepada Perjanjian ini.

- 21.4 Rujukan apa-apa perkara, pertikaian atau tuntutan kepada Jawatankuasa dan perjalanan apa-apa prosidingnya hendaklah tidak dianggap sebagai pengecualian terhadap tanggungjawab Pihak-Pihak untuk melaksanakan tanggungjawab di bawah Perjanjian ini.
- 21.5 Jawatankuasa boleh melantik seorang pakar bebas bagi memberi nasihat ke atas sebarang perkara yang dirujuk kepada Jawatankuasa dan segala kos, yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh pakar bebas yang dilantik tersebut akan dikongsi sama rata oleh Pihak-Pihak dalam Perjanjian ini. Pakar bebas tersebut hendaklah mempunyai kelayakan, pengalaman dan pengetahuan terhadap bidang yang dirujuk.
- 21.6 Jika sebarang perkara, pertikaian atau tuntutan yang dirujuk kepada Jawatankuasa tidak dapat dipersetujui oleh Pihak-Pihak dalam masa **tiga puluh (30) hari** selepas tarikh kes dirujuk, Pihak-Pihak bolehlah merujuk perkara, pertikaian atau tuntutan tersebut ke Penimbang Tara menurut Klausula 22 Perjanjian ini.

22. TIMBANG TARA

- 22.1 Jika perkara, pertikaian atau tuntutan yang dinyatakan dalam klausula 21 masih tidak dapat diselesaikan oleh Pihak-Pihak yang terlibat, maka perkara, pertikaian atau tuntutan tersebut hendaklah dirujuk kepada penimbang tara yang hendaklah dipersetujui oleh Pihak-Pihak kepada Perjanjian ini dan sekiranya tidak ada persetujuan, penimbang tara hendaklah dicalonkan atas permohonan oleh salah satu Pihak, kepada Pengarah Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asian (AIAC). Apa-apa rujukan hendaklah dianggap sebagai satu rujukan kepada timbang tara mengikut cara yang diperuntukkan oleh Akta Timbang Tara 2005 [*Akta 646*]. Keputusan yang dibuat oleh penimbang tara adalah muktamad dan mengikat Pihak-Pihak yang terlibat.

- 22.2 Setiap timbang tara hendaklah didengar di Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asian (AIAC) di Kuala Lumpur dengan menggunakan semua peraturan-peraturan, kemudahan dan sistem yang ada di Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asian (AIAC) Kuala Lumpur atau mana-mana tempat yang akan ditentukan oleh penimbang tara dan dipersetujui oleh Pihak-Pihak yang terlibat.
- 22.3 Rujukan berkenaan apa-apa pertikaian, perbezaan, perkara atau tuntutan kepada timbang tara menurut Klausula 22 ini dan/atau penerusan apa-apa prosiding timbang tara yang berbangkit daripada rujukan itu tidak, dengan apa-apa cara, bertindak sebagai penepian tanggungjawab Pihak-Pihak untuk melaksanakan obligasi mereka masing-masing di bawah Perjanjian ini.

23. TAWARAN ATAU BALASAN

- 23.1 **KONTRAKTOR** tidak boleh menawar, memberi atau bersetuju untuk memberi kepada mana-mana kakitangan **KERAJAAN** sebarang hadiah atau pertimbangan apa juapun sebagai dorongan atau balasan kerana melakukan apa-apa tindakan berhubung dengan perolehan atau pelaksanaan Perjanjian ini atau mana-mana perjanjian lain dengan **KERAJAAN** atau kerana menunjukkan atau tidak menunjukkan sokongan terhadap mana-mana orang dalam Perjanjian ini atau mana-mana perjanjian atau Perjanjian **KERAJAAN** yang lain.
- 23.2 Mana-mana pelanggaran syarat yang dinyatakan dalam Klausula 23.1 oleh **KONTRAKTOR** atau oleh seseorang yang bekerja dengannya atau bertindak bagi pihaknya (sama ada dengan atau tanpa pengetahuan **KONTRAKTOR**) akan terjumlah kepada suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997 [*Akta 575*],

berhubung dengan Perjanjian ini atau Perjanjian-Perjanjian atau perjanjian-perjanjian lain dengan **KERAJAAN** dan dengan ini akan sentiasa memberikan hak kepada **KERAJAAN** untuk menamatkan Perjanjian ini dan mendapatkan kembali jumlah sebarang kerugian yang timbul akibat daripada penamatan itu daripada **KONTRAKTOR**.

- 23.3 Apabila Perjanjian ini ditamatkan berikutan pelanggaran oleh **KONTRAKTOR** di bawah subklausu 23.2, **KERAJAAN** berhak mendapat semula semua kerugian, kos, ganti rugi dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh **KERAJAAN** berikutan daripada penamatan Perjanjian ini dan kesan-kesan penamatan Perjanjian mengikut subklausu 10.4 adalah terpakai.

24. PENEPIAN HAK

Kegagalan mana-mana Pihak untuk melaksanakan apa-apa hak atau remedinya tidak boleh dianggap sebagai suatu penepian terhadap hak atau remedi tersebut melainkan jika penepian tersebut dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh **KERAJAAN** atau **KONTRAKTOR** atau seseorang yang diberi kuasa secara nyata oleh **KERAJAAN** atau **KONTRAKTOR** untuk tujuan tersebut.

25. HAK MILIK DOKUMEN-DOKUMEN PERJANJIAN

Dokumen Perjanjian ini hendaklah sentiasa menjadi hak milik **KERAJAAN** dan hendaklah ditunjukkan apabila dan ketika diperlukan oleh **KERAJAAN**. **KERAJAAN** hendaklah membekalkan kepada **KONTRAKTOR** satu (1) salinan Perjanjian ini yang telah ditandatangani.

26. PERUBAHAN KADAR DUTI DAN CUKAI

- 26.1 Jika dalam tempoh Perjanjian ini, terjadi sebarang perubahan pada mana-mana kadar duti kastam, cukai jualan, cukai tokok dan eksais, Nilai Perjanjian akan disesuaikan oleh **KONTRAKTOR** dengan persetujuan **KERAJAAN** mengikut setakat mana belanja **KONTRAKTOR** bertambah atau berkurang.
- 26.2 Sebarang tambahan atau kekurangan pada Nilai Perjanjian akan dibuat hanya ke atas Peralatan yang terlibat dalam perubahan di bawah Fasal 26.1 di atas.

27. KERAHSIAAN

- 27.1 **KONTRAKTOR** atau sesiapa sahaja yang diambil bekerja olehnya tidak boleh menzahirkan kepada mana-mana orang atau mana-mana pihak apa-apa maklumat yang ditemuinya atau yang dizahirkan kepadanya bagi maksud pelaksanaan Perjanjian ini di antara Pihak-Pihak tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada **KERAJAAN** terlebih dahulu.
- 27.2 Klausula 27 ini hendaklah terus berkuat kuasa walaupun setelah Perjanjian ini luput atau ditamatkan atas apa-apa sebab sekalipun.

28. PEMAKAIAN DAN PEMATUHAN UNDANG-UNDANG

- 28.1 Perjanjian ini hendaklah ditadbir dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pihak-Pihak bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah-mahkamah di Malaysia.
- 28.2 Pihak-Pihak bersetuju untuk mematuhi segala peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa, arahan, perintah, kehendak dan pekeliling yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang kompeten

untuk berbuat demikian dari semasa ke semasa termasuk **KERAJAAN** Persekutuan, **KERAJAAN** Negeri atau mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan/Pihak Berkuasa Negeri di bawah mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

29. **KEBOLEHASINGAN**

Jika mana-mana klausa Perjanjian ini didapati menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah undang-undang sekarang atau undang-undang masa hadapan, klausa tersebut hendaklah diasingkan sepenuhnya dan Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan dan dikuatkuasakan seolah-olah klausa yang menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan tersebut tidak pernah terkandung sebagai sebahagian daripada Perjanjian ini dan klausa-klausa lain hendaklah kekal berkuat kuasa sepenuhnya dan mempunyai kesan seolah-olah Perjanjian ini telah diikat tanpa klausa yang menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan tersebut.

30. **PINDAAN**

Sebarang pindaan, tambahan atau perubahan kepada Perjanjian ini hendaklah dibuat dengan persetujuan bersama dan dibuat secara bertulis yang secara khususnya merujuk kepada Perjanjian ini dan ditandatangani dengan sempurna oleh Pihak-Pihak ("Perjanjian Tambahan").

31. **IKATAN PERJANJIAN**

Perjanjian ini hendaklah mengikat agen-agen, wasi-wasi, pentadbir-pentadbir, pengganti-pengganti dan penerima pindahmilik **KONTRAKTOR**.

32. **NOTIS**

32.1 Apa-apa notis, kelulusan, kebenaran, permohonan, pengesahan, persetujuan, permintaan atau lain-lain perhubungan yang perlu

diberi atau dibuat menurut Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dalam bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris. Notis, kelulusan, kebenaran, permohonan, pengesahan, persetujuan, permintaan itu hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar dengan pos berdaftar atau diserahkan secara sendiri ke alamat yang berikut:

(a) bagi pihak **KERAJAAN** -

Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia

Parlimen Malaysia

Bangunan Parlimen

Jalan Parlimen

50680 Kuala Lumpur.

No. Tel : 03-2603 6800

No. Faks : 03-2603 6286

(b) bagi pihak **KONTRAKTOR** -

XXXXXXXXX Sdn. Bhd.

XXXXX

XXXXX

U/p. : XXXX

No Tel : XXX

No. Faks : XXX

32.2 Pihak-Pihak hendaklah memberi notis bertulis empat belas (14) hari kepada Pihak yang satu lagi, sekiranya berlaku pertukaran alamat atau entiti.

33. IKLAN

KONTRAKTOR adalah dilarang daripada menyiarkan apa-apa iklan berkaitan dengan Perjanjian ini dalam mana-mana akhbar, majalah atau alat-alat

pengiklanan yang lain tanpa memperoleh kebenaran bertulis daripada **KERAJAAN** terlebih dahulu.

34. KOS DAN DUTI SETEM

Apa-apa kos penyediaan Perjanjian ini termasuk kos duti setem hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh **KONTRAKTOR**.

35. MASA

Masa, di mana-mana disebut dalam Perjanjian ini, hendaklah menjadi inti pati kepada Perjanjian ini.

36. LAMPIRAN-LAMPIRAN

Lampiran-Lampiran dan Jadual-Jadual kepada Perjanjian ini hendaklah menjadi sebahagian daripada dan dibaca bersama dengan Perjanjian ini.

37. KESELURUHAN PERJANJIAN

Perjanjian ini merujuk kepada persetujuan sepenuhnya Pihak-Pihak berhubung intipati Perjanjian dan membatalkan serta menggantikan apa-apa persetujuan sebelum ini, dorongan atau syarat nyata atau tersirat, sama ada secara lisan atau secara bertulis.

(BAHAGIAN BAWAH MUKA SURAT INI SENGAJA DITINGGALKAN KOSONG)

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS, Pihak-Pihak pada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meteri mereka pada hari dan tahun mula-mula yang tertulis di atas.

Ditandatangani oleh -

*Untuk dan bagi pihak}

}
Kerajaan Malaysia }
 (Nyatakan nama dan alamat)

Disaksikan oleh - }
 }

Ditandatangani oleh
 Untuk dan bagi pihak
 Kontraktor }
 Nama Penuh }
 No. Kad Pengenalan }
Pengurus/ Pengarah/ Pengarah Urusan
 XXXXXX SDN. BHD.
 (No. Pendaftaran : XXXX)

Disaksikan oleh - }
 Nama Penuh }
 No. Kad Pengenalan } XXXXXX SDN. BHD.
 (No. Pendaftaran : XXXX)

* Untuk ditandatangani oleh Pegawai Kerajaan yang telah diberi kuasa di bawah Seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 [*Akta 120*]